



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representative

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7023]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982

Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—

Jadual:

Maksud B. 37 [Ruangan 7051]

Maksud B. 38 [Ruangan 7093]

USUL:

AnggaranPembangunan, 1982

Jawatankuasa (Hari Keduabelas)—

Maksud P. 37 [Ruangan 7051]

Maksud P. 38 [Ruangan 7093]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P.,
D.P., D.U.P.N. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ MENTERI KEWANGAN, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI
SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROKE, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Kerai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAFA (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFAH DORAH BINTI SYED
MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN
MAHYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar
Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,
S.M.P.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota
Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).

- Yang Berhormat DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARR KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

- Yang Berhormat TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M., (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO⁷ HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan
Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).

- Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO' HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 27hb November, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**JABATAN KEMAS—ELAUN
KAKITANGAN**

1. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Pembangunan Negara dan luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan KEMAS mendapat elaun berbeza dengan kakitangan yang bertugas di bawah Jabatan KEMAS yang mentadbir dan mengajar agama, jika sedar, adakah beliau bercadang supaya elaun mereka disamakan dan jika ya, bila.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa kakitangan biasa yang bertugas di bawah Jabatan KEMAS mendapat elaun yang berbeza daripada kakitangan yang bertugas mentadbir dan mengajar agama. Tindakan untuk mengkaji kedudukan dan juga perjawatan mereka serta dasar penempatan telahpun dibuat di samping itu untuk menentukan kedudukan mereka yang terlibat.

Kajian ini telahpun selesai dan satu kertas kerja telahpun disiapkan dan pembayaran elaun yang baru ini adalah dalam pertimbangan untuk dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan kemukakan soalan ini pada akhir jika ada masa.

Yang Berhormat Datuk Lee Boon Peng.
(Soalan No. 3 Y.B. Datuk Lee Boon Peng tidak hadir)

DOKTOR—KURSUS LANJUTAN

4. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah doktor-doktor mengikut kaum yang telah melanjutkan pelajaran keluar negeri pada tahun 1980 dan 1981 nyatakan bidang kursus lanjutan yang diikuti dan apakah kriteria pemilihan mereka dan sama ada kursus lanjutan yang diikuti itu terdapat di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1980, seramai 32 pegawai perubatan telah melanjutkan pelajaran di luar negeri. Daripada jumlah ini, terdapat 9 pegawai keturunan Melayu, 3 orang Cina, 19 orang India dan seorang dari kaum lain. Pada tahun 1981 pula, seramai 32 pegawai perubatan telah melanjutkan pelajaran ke luar negeri yang mana terdiri dari 17 orang Melayu, 7 orang Cina dan 8 orang India. Mereka mengikuti kursus lanjutan dalam bidang-bidang Perubatan, Pembedahan, Bius, Perbidanan dan Sakitpuan, Radiologi, Kajipenyakit Saraf, Kesihatan Umum dan Perancangan Kesihatan.

Di dalam pemilihan calon-calon tersebut, mereka hendaklah memenuhi syarat-syarat asas seperti berikut:

- (i) Sah dalam jawatan;

- (ii) Mempunyai pengalaman perubatan dan memenuhi syarat-syarat dalam bidang dipilih; dan
- (iii) Umur tidak melebihi 40 tahun.

Di antara kursus-kursus lanjutan yang diikuti oleh Pegawai-pegawai Perubatan tersebut, kursus Sarjana Kesihatan Umum (Master in Public Health) terdapat di Universiti Malaya dan Kursus Sarjana Pembedahan (Umum) dan Sarjana Pembedahan (Otopidik) boleh diikuti di Universiti Kebangsaan Malaysia.

PASUKAN PANCARAGAM SEKOLAH

5. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak Sekolah-sekolah Rendah Menengah di negara ini tidak mempunyai Pasukan Pancaragam dan jika ya, bila sekolah-sekolah yang tidak mempunyai pancaragam akan dibekal dengan alat-alat muzik.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa memang sebahagian besar sekolah-sekolah menengah tidak mempunyai Pasukan Pancaragam. Di antara sebabnya ialah ketidakmampuan sekolah-sekolah berkenaan dari segi kewangan kerana penubuhan sesebuah Pasukan Pancaragam melibatkan perbelanjaan yang besar.

Buat masa ini Kementerian Pelajaran tidak membekalkan alat-alat muzik kepada sekolah-sekolah. Bagi menjalankan aktiviti-aktiviti muzik seperti Pancaragam Sekolah, sekolah-sekolah menggunakan wang tabung persendirian bagi membeli alat-alat yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan mengesyorkan supaya bahan-bahan alat bantuan mengajar untuk matapelajaran muzik yang bermutu tinggi dibekalkan sekolah-sekolah. Sama ada perakuan ini dapat dilaksanakan untuk membekalkan alat-alat muzik Pancaragam Sekolah-sekolah masih lagi dalam kajian.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa pancaragam ini adalah satu aktiviti muzik yang mana ibubapa berasa kesal kerana masa lapang untuk anak-anak pelajar sebagai pelajaran tambahan kurang.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah soalan tambahannya?

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Sedarkah atau tidak Yang Berhormat Menteri Pelajaran ibubapa kesal kerana masa kanak-kanak belajar di masa lapang itu telah kurang disebabkan latihan muzik.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar ibubapa kesal kerana dengan adanya subjek muzik ini masa untuk matapelajaran lain itu berkurangan. Tetapi sebenarnya dalam kurikulum baru kita, muzik merupakan salah satu daripada matapelajaran yang hendak kita masukkan dalam sekolah rendah.

Dato Dr Hee Tien Lai: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah dasar mengenai mengutip wang daripada pasukan-pasukan pancaragam yang digunakan oleh sekolah untuk kegiatan P.I.B.G. dan sebagainya.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kurang jelas.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang sekali lagi.

Dato Dr Hee Tien Lai: Apakah dasar Kementerian Yang Berhormat mengenai mengutip wang daripada sekolah-sekolah menggunakan pasukan pancaragam di kegiatan funeral dan sebagainya?

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kata saya tadi, pancaragam ini mendapatkan bantuan daripada pihak-pihak individu dan juga menerusi aktiviti-aktiviti P.I.B.G. Jadi memang baik sekiranya pasukan penerangan itu yang memberi sedikit bantuan kepada orang lain juga wajar dan patut diberi serba sedikit bantuan untuk mereka membeli segala alat muzik.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi, nampaknya Kementerian tidak membiayai alat-alat muzik dan di dalam jawapan beliau juga ada menyatakan kurikulum baru sedang disusun supaya muzik menjadi satu matapelajaran sekolah. Kalau begini, kerana muzik adalah penting kepada manusia adakah di masa depan Kerajaan akan bercadang supaya alat-alat muzik dibekalkan oleh Kementerian pada masa akan datang.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi dalam jawapan saya iaitu perkara ini masih lagi dalam kajian kita.

ADUAN MENGENAI CERDIK HOLDINGS BHD.

6. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Yang Berhormat Lim Cho Hock telah menghantar sepucuk surat bertarikh 26-8-1981 kepada Ketua Pegawai Polis Negeri Perak membuat komplain bahawa sebuah syarikat yang dikenali sebagai M/S. Cerdik Holdings Bhd. ditubuhkan oleh pemimpin-pemimpin MCA telah mengutip wang dengan secara tidak sah dari orang ramai sejumlah lebih \$17 juta. Sekiranya sedar, adakah sebarang tindakan yang telah diambil terhadap pengarah-pengarah syarikat tersebut.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock telah menghantar sepucuk surat aduan bertarikh 26hb Ogos, 1981 kepada Ketua Polis Negeri Perak mengadukan bahawa Cerdik Holdings Bhd. telah mengutip wang secara tidak sah dari orang ramai sejumlah lebih \$17 juta.

Siasatan sedang dijalankan oleh pihak Polis bagi memastikan sama ada ianya benar atau tidak. Jika dari siasatan itu didapati ada orang-orang yang melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang maka tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas orang-orang yang berkenaan.

Tuan Lim Cho Hock: Tuan Speaker, adakah Timbalan Menteri sedar ada banyak kes-kes jenayah dilakukan oleh Pengarah-pengarah Cerdik Holdings Berhad dan Cerdik Holdings Berhad telah pindah semua wang yang ada di dalam syarikat itu kepada empat syarikat yang lain. Saya anggap perbuatan itu telah satu kes CBT, misappropriation of funds. Dan kedua.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup itu dahulu.

Tuan Lim Cho Hock: Tapi ini ada mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi sedar atau tidak sedar, itu dahulu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita sedang mengadakan siasatan mengenai apa yang telah diadukan iaitu mengenai kutipan yang dikatakan sebagai tidak sah oleh syarikat ini daripada orang ramai. Saya rasa bahawa perkara ini sedang disiasat dan kita tidak dapat memberi apa-apa pendapat mengenai kes ini selagi penyiasatan yang sedang dijalankan ini belum disempurnakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya nasihatkan tulis surat mengenai apa yang tahu tentang perkara ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa mengenai kes-kes yang ada dilaporkan kepada pihak Polis yang ada melibatkan pemimpin-pemimpin MCA dalam pelanggaran undang-undang seperti perkara-perkara Cerdik Holdings Berhad; Matang Holdings di Johor dan lain-lain pihak Polis ada ambil satu sikap tidak serius mengakibatkan begitu panjang masa untuk siasat setelah perkara ini dilaporkan di dalam bulan Ogos. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan bahawa dalam perkara-perkara seperti ini sungguhpun yang terlibat adalah pemimpin-pemimpin dari satu parti komponen di dalam Kerajaan bahawa pihak yang berkuasa akan ambil sikap yang serius dan tidak mengambil masa yang luar biasa panjang?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Kerajaan yang dipilih oleh rakyat yang menekankan imej Kerajaan “Bersih, Cekap dan Licin” kita rasa kita akan menyiasat sebarang aduan yang dibuat oleh sesiapa pun sama ada mereka itu terdiri daripada parti menyokong Kerajaan ataupun pihak pembangkang.

Tuan Lim Cho Hock: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah Timbalan Menteri sedar ada lebihkurang 7,300 borang-borang permintaan yang ada ditandatangani oleh pemegang-pemegang saham dan saya dapat tahu semua signatures di 7,300 lebih borang-borang itu adalah palsu dan jadi 7,300 forgeries?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab ini termasuk dalam siasatan. Ada Yang Berhormat hendak tambah lagi.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Au How Cheong.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan kemukakan soalan ini di akhir sekiranya ada masa.

BUKU “THE MALAY DILEMMA”

8. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah langkah Kerajaan sekarang ini menghalalkan buku “The Malay Dilemma” dan membebaskan beramai-ramai tahanan politik di bawah ISA sebaik sahaja bermulanya era pimpinan Kerajaan sekarang ini memberi erti bahawa orang-orang tertentu di dalam pimpinan lama telah menyalahgunakan kuasa dan demokrasi untuk kepentingan diri mereka. Nyatakan adakah buku “The Malay Dilemma” itu menjadi pedoman (guideline) bagi Kerajaan sekarang.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, langkah

Kerajaan menghalalkan buku “The Malay Dilemma” dan membebaskan 21 orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 baru-baru ini tidak ada kaitan dengan orang-orang tertentu di dalam pimpinan Kerajaan baik yang lama ataupun yang baru. Tindakan Kerajaan itu adalah semata-mata berdasarkan kepada faktor-faktor keselamatan.

Kerajaan adalah sentiasa mengkaji dari masa ke semasa sesuatu penerbitan dengan tujuan untuk membenarkan sesuatu penerbitan itu diedarkan kepada umum jika sekiranya isi kandungannya tidak akan menjejaskan ketenteraman awam ataupun tidak mengancam keselamatan negara. Tindakan yang sama juga dibuat ke atas setiap kes tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kerajaan mengambil tindakan menghalalkan buku “The Malay Dilemma” dan membebaskan 21 orang tahanan itu setelah Kerajaan berpuashati bahawa tindakan itu tidak lagi menjejaskan ketenteraman awam dan mengancam keselamatan negara pada masa ini.

Oleh itu, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa adanya penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana pemimpin adalah tidak benar.

Mengenai bahagian kedua itu, inginlah saya menyatakan bahawa sebenarnya panduan atau guideline yang digunakan oleh Kerajaan untuk perjalanannya ialah dasar-dasar yang dibuat atau digubal oleh Kerajaan sendiri.

Mana-mana syor atau cadangan atau pandangan dalam buku “The Malay Dilemma” itu, seperti juga syor-syor atau cadangan dari sumber yang lain, yang difikirkan sesuai dan boleh menambah kesan kepada pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan yang ada akan juga ditimbang sebagai panduan atau latarbelakang kepada perjalanan Kerajaan.

BURUH PENDATANG HARAM DI JOHOR

9. Tuan Lee Kaw minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan hasil siasatan

yang dijalankan ke dalam perkara buruh pendatang haram di Johor dan sama ada satu dasar baru mengenai buruh pendatang haram telahpun dirangka; jika ya, beri butir-butir lanjut.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu telah diberi semasa menjawab pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 13hb Oktober, 1981 dan tidak ada apa-apa yang hendak saya tambah lagi.

BATUK KERING—BILANGAN

10. Datuk Dr Hee Tien Lai minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang yang mengidapi penyakit batuk kering yang aktif (active pulmonary tuberculosis) di Semenanjung Malaysia;
- (b) bilangan kes-kes “terbuka” di kalangan mereka; dan
- (c) sama ada benar bahawa kejadian penyakit ini kian bertambah. Jika ya, apakah langkah-langkah pencegahan yang akan diambil untuk membasmi penyakit ini yang telah menyebabkan banyak nyawa terkorban.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa:

- (a) Jumlah orang-orang yang mengidapi penyakit batuk kering yang aktif (active pulmonary tuberculosis) di Semenanjung Malaysia adalah dianggarkan seramai 37,000 orang. Ini adalah berdasarkan kepada “morbidity” sebanyak 0.74% bagi kes-kes batuk kering yang aktif bagi penduduk berumur 15 tahun ke atas, sebagaimana yang didapati dalam Bancian Pencegahan Tibi pada tahun 1970.

- (b) Bilangan kes-kes “terbuka” di kalangan mereka adalah dianggarkan dalam lingkungan 28,300 orang, pada akhir “morbidity” sebanyak 0.57% untuk kes-kes “bacteriologically positive” bagi penduduk berumur 15 tahun ke atas.

- (c) Kejadian penyakit batuk kering sesungguhnya tidaklah bertambah. Sejak pelaksanaan Rancangan Kawalan Penyakit Tibi Negara, terdapat pengurangan yang nyata bagi tempoh masa sepuluh tahun yang lalu dalam kejadian-kejadian penyakit tibi di kalangan penduduk-penduduk yang lebih muda. Penyakit-penyakit tibi yang lebih teruk seperti “tuberculosis of the meninges and central nervous system” telahpun dikurangkan.

Langkah-langkah kawalan yang dijalankan terhadap penyakit batuk kering ialah menyuntik bayi-bayi yang mudah diinggapi oleh penyakit ini, mengesan pesakit-pesakit “respiratory” dan juga mereka yang mudah mendapat penyakit ini, melalui radiophotography. Di samping itu, rawatan melalui “chemotherapy” yang berkesan bagi mencegah pesakit-pesakit dari menjangkitkan penyakit ini telahpun menghalang penyakit tersebut merebak di kalangan rakyat.

Langkah-langkah kawalan tibi di negara ini adalah memadai dan berkesan serta mudah diperolehi oleh orang ramai secara percuma di seluruh negara sama ada dari hospital-hospital yang besar atau yunit-yunit kesihatan yang kecil.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, nampaknya angka 37,000 itu adalah satu angka yang besar dan apabila kita bercakap penyakit TB, kita teringat Lady Templer Hospital. Adakah Kerajaan sendiri bercadang hendak mengadakan sebuah hospital khas di tempat sepertimana dekat dengan Genting Highlands yang jauh dengan orang ramai di masa akan datang, khusus penyakit TB sahaja.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Sebenarnya Lady Templer Hospital ini masih digunakan untuk kemudahan pesakit-pesakit TB dan juga terdapat satu-satu badan—National Tuberculosis Centre di Jalan Pahang, Kuala Lumpur yang boleh juga memuatkan ramai pesakit. Tambahan lagi di semua Hospital Besar terdapat beberapa katil khas untuk kes-kes TB.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab bilangan yang mengidap penyakit ini berkait rapat dengan kemajuan dalam cara mengubatnya, jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan kemajuan yang telah dicapai dari segi mencari cara baharu untuk mengubati penyakit ini dalam masa 5 tahun yang sudah

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu dan saya bukan seorang doktor, cara yang digunakan pada masa ini adalah berkesan dan mudah digunakan. Jadi, saya tidak sedar pada masa ini tentang lain-lain cara yang disiasat.

BANGUNAN POS/TELEKOM DI KOTA KINABALU

11. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebab mengapa pembinaan Bangunan Pos dan Telekom di Kota Kinabalu telah terhenti, bilakah pembinaan tersebut akan dimulakan dan bilakah tarikh bangunan tersebut akan disiapkan.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada Ahli Yang Berhormat adalah kurang jelas, kerana dalam perancangan Kementerian tidak ada apa-apa pembinaan "Bangunan Pos dan Telekom" di Kota Kinabalu tetapi rancangan ada dibuat untuk menyiapkan pembinaan sebuah ibusawat telefon di Kota Kinabalu. Sekiranya soalan Ahli Yang Berhormat itu bermaksud pembinaan bangunan ibusawat telefon Kota Kinabalu, maka saya ingin memberitahu bahawa kerja-kerja untuk membina ibusawat telefon tersebut telah tergendala buat sementara waktu ini.

Ini adalah kerana susun-lapis (geological structure) tapak ibusawat tersebut adalah lebih keras dari yang dijangkakan. Ini mengakibatkan kerja-kerja menanam cerucuk (piling) tidak dapat diteruskan mengikut rancangan. Oleh kerana kekerasan susun-lapis tapak ini, cerucuk-cerucuk hanya dapat ditanam sedalam 10 kaki sahaja sedangkan rekabentuk bangunan yang berkenaan mengikut penentuan kejuruteraannya memerlukan supaya cerucuk-cerucuk itu ditanam sedalam 35 kaki.

Untuk mengatasi masalah ini, beberapa ubah-suaian kepada pelan asal terpaksa diadakan di mana penggunaan cerucukmikro (micro-piles) telah dicadangkan. Oleh kerana cerucukmikro adalah lebih mahal daripada cerucuk biasa, maka anggaran kos pembinaan terpaksa juga disemak semula. Pada masa ini Jabatan Kerja Raya Sabah sedang menyemak perkara ini.

Jika tidak ada apa-apa kesulitan yang lain, adalah dijangkakan bahawa tender untuk "superstructure" bangunan tersebut akan dipanggil dalam masa dua bulan lagi. Kerja-kerja pembinaan "superstructure" dijangka akan memakan masa selama lebih kurang satu tahun setengah.

HARGA BARANG-BARANG NAIK

12. Datuk Edwin anak Tangkun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar sebahagian dari barang-barang telah naik harga apabila pegawai-pegawai Kerajaan telah menerima tanggagaji baru, jika sedar, apakah tindakan yang diambil oleh beliau bagi mengetahui dan mengawal supaya harga barang-barang tidak dinaikkan dengan suka hati peniaga-peniaga di seluruh negara khasnya di Negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa harga setengah-setengah barang perlu telah naik apabila Pegawai Kerajaan menerima tanggagaji baru. Pada amnya kenaikan harga adalah berpunca dari kenaikan kos pengeluaran atau kos pengimportan barang-barang tersebut.

Sepertimana yang telah dijelaskan di Dewan yang mulia ini, beberapa kali bahan-bahan utama untuk setengah-setengah barang keperluan negara kita seperti gula dan susu pekat adalah diimport dari negara lain. Justeru itu harga barang-barang ini tertakluk kepada kedudukan permintaan dan penawaran pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, Kerajaan cuba mengurangkan kesan kenaikan harga barang-barang perlu itu melalui pemberita subsidi, umpamanya, subsidi untuk barang-barang petroleum. Di samping itu Kementerian saya sentiasa mengawasi dan mengkaji dengan sedalam-dalamnya sebarang permohonan untuk menaikkan harga barang-barang ini supaya dapat menentukan paras kenaikan harganya adalah berpatutan.

KAD PENGENALAN BARU

13. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sehingga hari ini jumlah kad pengenalan baru yang belum dituntut di seluruh negara. Nyatakan sebab-sebab mengapa perkara ini boleh berlaku dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kad pengenalan baru yang belum dituntut di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak sehingga 31-8-1981 ialah sebanyak 87,133.

Sebab-sebab berlakunya perkara ini adalah seperti berikut:

- (a) Pemohon tidak berada di alamatnya seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan;
- (b) Pemohon tidak dapat dihubungi oleh kerana tidak memaklumkan pertukaran alamat barunya;

Untuk mengatasi masalah ini, pihak Jabatan Pendaftaran Negara telahpun mengeluarkan surat-surat peringatan kepada pemohon-pemohon dari masa ke semasa di samping pengumuman melalui radio dan televisyen juga dibuat. Bagi kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman pula pengumuman dibuat oleh penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

Tuan Ismail bin Said: soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah sebarang tempoh yang diberi bagi sesuatu kad pengenalan baru itu dituntut oleh tuannya. Jika ya, berapakah lamanya dan apakah tindakan yang diambil apabila tempoh ini habis.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada peraturan mengenai tuntutan terhadap kad-kad pengenalan yang tidak dituntut ini. Mengikut peraturan di bawah Jabatan Pendaftaran Negara ini bahawa kad-kad pengenalan yang tidak dituntut lebih daripada tiga bulan boleh dipupuskan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara. Walau bagaimanapun, bagi yang dipupuskan ini bolehlah mereka ini memohon semula untuk mendapatkan kad-kad pengenalan baru. Walau bagaimanapun, di dalam amalan tidaklah perkara ini dilakukan kerana kita menyedari kadang-kadang komunikasi memakan masa yang agak panjang dan kita sentiasa menunggu tindak balas daripada pemohon-pemohon bagi membolehkan mereka memberikan kad-kad pengenalan kepada pemohon-pemohon yang berkenaan.

Tuan Lee Lam Thye: Mengenai kad pengenalan yang belum dituntut, suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa selain daripada langkah-langkah yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah Kementerian ataupun Jabatan yang berkenaan bercadang untuk mengadakan iklan-iklan di berbagai-bagai suratkhbar tempatan untuk memaklumkan orang-orang yang berkenaan.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Perkara seperti itu boleh ditimbangkan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan bahawa 27,000 kad pengenalan baru belum dikutip oleh tuannya. Adakah sebab banyaknya kad-kad yang tidak dikutip ini oleh kerana pihak Jabatan Pendaftaran lambat memproses kad-kad itu hingga menyebabkan orang yang memohonnya terlupa bahawa ia

telah memohon. Kalau benar, apakah langkah-langkah untuk mempercepatkan pengeluaran kad pengenalan itu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada kelambatan dalam memproseskan kad pengenalan ini sepertimana yang saya katakan dahulu ialah kerana kita tidak mempunyai maklumat yang cukup daripada mereka yang memohon itu yang pula telah melewati proses mengeluarkan kad pengenalan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Jadi, saya rasa soal kelambatan itu tidak timbul.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. 27,133 kad yang tidak diambil adalah satu angka yang agak besar dan tindakan-tindakan melalui surat peringatan dan sebagainya telah dibuat oleh Kementerian. Adakah pihak Kementerian ini bercadang supaya di tiap-tiap daerah ada pegawainya supaya pegawai-pegawai ini pula pergi hantar ke kampung-kampung di masa akan datang.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang sedang dibuat oleh pihak Pendaftaran Negara ini iaitu pengumuman melalui televisyen, apa yang dibuat oleh Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung itu dengan melekatkan penyata-penyata di masjid-masjid, surau-surau dan sebagainya setakat ini adalah memadai. Walau bagaimanapun, kita akan menimbang cara-cara baru supaya mereka yang memohon ini akan meminta kad-kad pengenalan mereka yang telah siap. Kalau sekiranya keadaan ini berterusan kita akan menganggap mereka tidak berminat lagi untuk mendapatkan kad pengenalan mereka.

JAMBATAN PULAU PINANG

14. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam menyatakan perkembangan/kemajuan pelaksanaan projek jambatan yang menghubungkan Tanah Besar Semenanjung dengan Pulau Pinang.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek Jambatan Pulau Pinang telahpun dimulakan sejak pertengahan tahun 1979 lagi iaitu bagi kerja-kerja penebusan tanah. Kerja-kerja ini dijadualkan siap pada akhir tahun ini. Keputusan tender untuk pembinaan jambatan ini juga telah dibuat baru-baru ini dan kerja-kerja pembinaan dijadualkan siap pada awal tahun 1985.

KERAJAAN CAMPURAN DI KAMPUCHEA—PENDIRIAN MALAYSIA

15. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah positifnya pendirian negara ini terhadap pembentukan Kerajaan Campuran di kalangan golongan anti-Vietnam di Kampuchea. Apakah pandangan beliau terhadap rejim kejam Pol Pot.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mahyuddin bin Haji Mohamed Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Nasionalis di Kampuchea telah bersetuju mengambil langkah akan menubuhkan sebuah Kerajaan Campuran dengan pihak Khmer Rouge untuk menyatupadukan tentangan mereka terhadap Rejim Heng Samrin. Mereka berharap agar Vietnam dapat mengubah sikap supaya mahu berunding dan bekerjasama dengan Kerajaan Campuran itu kelak. Justeru itu Malaysia tetap akan menyokong usaha-usaha ketiga-tiga kumpulan itu kerana ianya merupakan kehendak ramai rakyat Kampuchea. Kita masih terus mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea kerana ia merupakan Kerajaan Kampuchea yang sah sebelum ianya digulingkan oleh tentera-tentera Vietnam. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kita menerima dan menyokong tindakan dan polisi yang dilaksanakan oleh Pol Pot.

Adalah menjadi pendirian kita iaitu walau apapun bentuk polisi dalam negeri satu-satu Kerajaan, negara-negara lain tidak berhak untuk menjatuhkannya dengan kekerasan tentera. Pendirian kita adalah selaras dengan

prinsip-prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada sesinya yang ke 36 telah sekali lagi mengambil keputusan untuk menyokong tauliah Demokratik Kampuchea di badan dunia itu.

Walaupun Malaysia masih mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea kita bersama-sama dengan negara-negara lain yang berminat berusaha giat untuk mencari penyelesaian politik kepada konflik di Kampuchea berdasarkan kepada resolusi-resolusi di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan kepada Deklarasi Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea. Kita menyokong seruan yang terkandung dalam dokumen-dokumen tersebut supaya tentera-tentera asing diundur dari bumi Kampuchea dan satu Kerajaan neutral yang benar-benar mewakili kumpulan tersebut dapat dipilih oleh rakyat Kampuchea sendiri tanpa pengaruh atau campurtangan dari kuasa-kuasa luar.

PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN LETAK JAWATAN

16. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar bahawa sebilangan besar dari pegawai-pegawai Kerajaan telah meletakkan jawatan dan seterusnya memegang jawatan-jawatan tinggi di sektor-sektor swasta, jika demikian, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi atau membetulkan keadaan demikian.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa sebilangan besar dari Pegawai-pegawai Kerajaan telah meletakkan jawatan untuk memegang jawatan-jawatan di sektor-sektor swasta di mana pendapatan yang mereka perolehi adalah lebih tinggi. Sebilangan besar daripada mereka ini adalah terdiri daripada Pegawai-pegawai Iktisas yang bukan merupakan pemegang biasiswa atau mereka yang telahpun memenuhi ikatan perjanjian dengan Kerajaan. Mana-mana pegawai boleh meletakkan jawatan kerana Kerajaan tidak dapat menyekat perletakkan jawatan mereka

itu. Bagaimanapun bagi pemegang-pemegang biasiswa, mereka adalah terikat dengan perjanjian yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sekiranya mereka meletakkan jawatan dan melanggar ikatan perjanjian itu tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka bagi menuntut ganti rugi.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah beliau sedar bahawa perletakan jawatan Pegawai-pegawai Kerajaan itu tidak langsung menjejaskan kecekapan pentadbiran Kerajaan dan apakah beliau sedar bahawa pegawai-pegawai yang telah dilatih dan berpengalaman di dalam sektor awam itu menguntungkan pihak swasta.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, walaupun berlakunya kejadian perletakan jawatan oleh Pegawai-pegawai Kerajaan termasuk juga dalam golongan ikhtisas ini tidak menjejaskan sangat perkhidmatan Kerajaan dan dalam hal-hal yang tertentu kemasukan mereka dalam sektor swasta itu masih juga memberi faedah kepada rakyat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya sekarang ialah bukan Pegawai-pegawai Kerajaan yang keluar daripada perkhidmatan Kerajaan tetapi pegawai-pegawai yang kita hendak simpan dia keluar tetapi pegawai-pegawai yang kita tak hendak dia duduk tinggal, ini masalahnya. Yang hendak saya tanya sekarang ialah apakah pihak Kerajaan bermaksud atau bercadang hendak menimbang semula kemungkinan menghidupkan semula amalan yang kita buat dahulu, iaitu membenarkan persaraan atas kepentingan negara bagi Pegawai-pegawai Kerajaan yang kita hendak dia bersara.

Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, bagi pegawai-pegawai yang kita hendak dia bersara, ini sebenarnya ada dua kategori. Satu, kita hendak dia bersara oleh sebab kita memerlukan perkhidmatannya di dalam satu-satu organisasi di luar daripada perkhidmatan Kerajaan, jadi persaraannya itu adalah atas kepentingan negara. Lagi satu kita hendak

dia bersara dan ini adalah atas kepentingan awam, iaitu bagi pegawai yang kita menganggap bahawasanya ada apa-apa kesalahan yang bersabit dengan perkhidmatannya yang kita fikir mengekalkan pegawai itu dalam perkhidmatan tidak membawa kebaikan. Jadi kedua-dua jenis persaraan ini ataupun perbekalan tentang kedua-dua jenis persaraan ini masih ada dan masih digunakan.

KEMALANGAN BAS-BAS SEKOLAH

17. Datuk Dr Hee Tien Lai minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan penuntut-penuntut yang tercedera akibat menaiki bas-bas sekolah dalam tahun 1978, 1979, 1980 dan sehingga bulan September, 1981;
- (b) bilangan murid-murid sekolah yang terbunuh dalam kemalangan jalan raya dalam tahun 1978, 1979, 1980 dan sehingga bulan September, 1981; dan
- (c) langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa pengangkutan sekolah akan menjadi lebih selamat kepada murid-murid sekolah.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Saya tidak dapat memberikan perangkaan-perangkaan yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana perangkaan-perangkaan kemalangan khususnya bagi murid-murid sekolah yang terbunuh dan tercedera akibat menaiki bas-bas sekolah pada masa ini tidak diperbuat oleh mana-mana pihak.

Mengenai langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan pengangkutan kanak-kanak sekolah di dalam bas-bas sekolah, Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Pengangkutan menjalankan pemeriksaan ke atas bas-bas sekolah pada tiap-tiap 6 bulan sekali bagi menentukan "road worthiness" bas-bas tersebut. Hanya bas-bas sekolah yang didapati selamat digunakan boleh dilesenkan, selain daripada itu pengusaha-pengusaha bas-bas tersebut juga dipastikan supaya mematuhi semua peraturan lalulintas bagi

menjamin keselamatan kanak-kanak yang dibawanya. Untuk ini Jabatan Pengangkutan Jalan menjalankan tindakan kuatkuasa dari semasa ke semasa, tiap-tiap bas sekolah adalah ditentukan juga mempunyai seorang konduktor bagi memastikan keselamatan kanak-kanak yang dibawanya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa bas-bas sekolah ini tidak kira berapa passenger dia muat, jadi anak-anak sekolah bersesak-sesak dalam bas dan ini boleh menjadi punca kemalangan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi perkara ini—langkah enforcement.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa tidak ada sekatan tentang jumlah ataupun bilangan penumpang di dalam sesebuah bas sekolah itu. Tetapi maklumlah kalau dilihat pada sesebuah bas sekolah, dengan semangat dan keghairahan anak-anak muda kita seolah-olah bas itu begitu penuh dan sesak; kalau kita lihat betul-betul, tempat duduk memang cukup dan kalau mereka semua duduk bilangan penumpang itu sama banyak dengan bilangan tempat duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 18.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan kemukakan soalan ini di akhir, jika ada masa.

JAWAPAN KEPADA PERTANYAAN MULUT

19. Tuan Lee Kaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memastikan supaya jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan mulut yang tidak dapat dijawab semasa Soal-jawab diberi kepada ahli berkenaan pada hari yang sama serta juga memastikan bahawa jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan bertulis diberi dalam Mesyuarat Dewan Rakyat yang sama juga kerana cara yang dianuti sekarang di mana Ahli-ahli Parlimen terpaksa tunggu,

kadangkala, selama satu hingga dua tahun untuk jawapan-jawapan kerana pertanyaan-pertanyaan adalah tidak adil dan tidak patut sama sekali.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tiap-tiap Ahli Dewan berhak menerima jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan walaupun pertanyaan itu bukan pertanyaan mereka, maka jawapan-jawapan kepada Pertanyaan-pertanyaan Mulut yang tidak dapat dijawab dalam Dewan semasa Soal-Jawab perlu dimasukkan dalam Laporan Rasmi Perbahasan Parlimen Naskah Bercetak untuk diedarkan kepada Ahli-ahli. Pengedaran ini tentulah tidak dilakukan pada hari yang sama. Langkah memasukkan jawapan-jawapan yang demikian itu ke dalam Laporan Rasmi Perbahasan Parlimen adalah sesuai dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 24 (6).

Berkenaan dengan Jawapan-jawapan Bertulis pula, pengedarannya dilakukan setelah menerima semua Jawapan-jawapan Bertulis dari Kementerian-kementerian yang berkenaan dan dibukukan. Penerimaan jawapan-jawapan yang berkenaan itu bergantung kepada bentuk pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli. Oleh kerana ada setengah-setengah Ahli terutama dari parti Pembangkang yang mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang bukan sahaja memerlukan jawapan-jawapan yang panjang lebar, tetapi memerlukan pada detail-detail dan perangkaan maka penyediaan jawapan-jawapan yang demikian itu oleh Kementerian-kementerian tentu sekali mengambil masa dan ini menjejaskan usaha mempercepatkan pengeluaran Jawapan Bertulis Bercetak. Walau bagaimanapun, pengeluaran Jawapan-jawapan Bertulis Bercetak dapat dilaksanakan selewat-lewatnya sebelum mesyuarat yang berikutnya diadakan dan bukan selama satu hingga dua tahun sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar banyak kali kakitangan dalam Parlimen ada beri

reminder kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk Soalan Bertulis tetapi oleh kerana Kementerian yang berkenaan mengambil satu sikap (attitude) "tidak apa" sebab itu soalan-soalan mengenai Jawapan Bertulis ini tidak boleh diberi satu jawapan dalam Parlimen.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kelewatan itu bukan disengajakan. Seperti saya terangkan tadi adalah disebabkan kadangkalanya berkehendak kepada detail-detailnya ataupun perangkaan-perangkaan.

Tuan Lim Cho Hock: Bolehkah Timbalan Menteri memberi satu jaminan soalan-soalan yang senang jawapannya bolehkah kita mendapat Jawapan Bertulis dengan segera oleh kerana selepas kita dapat Jawapan Bertulis kita boleh baca dan boleh follow-up, kita boleh ambil tindakan lain.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jaminan itu bolehlah diberi.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan dari Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan oleh kerana soal-soal yang berbangkit dari pihak Pembangkang ini ada meminta detail-detail, ini satu jawapan tidak adil oleh kerana banyak soalan-soalan lain pun bersama-sama ini lewat untuk dijawab dari Kementerian-kementerian yang berkenaan. Saya harap Timbalan Menteri yang berkenaan boleh mengambil satu sikap mengenai apa yang disoal oleh saya, beritahu kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis oleh kerana bukan semua soalan itu meminta detail-detail. Ini satu soal elakkan soalan saya bertanya.

Tuan Yang di-Pertua: Mengharapkan supaya diberi jawapan oleh Jabatan atau Kementerian dengan lekas, itu bukan soalan tambahan. Itu membuat statement sahaja.

Sekarang balik kepada soalan yang tadi Ahli Yang Berhormat menyoal tidak ada. Sekarang saya balik kepada Yang Berhormat Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.

BANK SIMPANAN NASIONAL— SIJIL SIMPANAN

2. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kewangan menyatakan kemajuan yang dicapai oleh Bank Simpanan Nasional dalam mengeluarkan Sijil-sijil Simpanan Premium dan adakah ianya telah mendapat saingan yang hebat dengan tertubuhnya Amanah Saham Nasional. Setakat ini berapa orangkah telah membeli Sijil Simpanan Premium dan nilainya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Skim Sijil Simpanan Premium dilancarkan oleh Bank Simpanan Nasional pada tahun 1978, sambutan daripada orang ramai adalah menggalakkan. Seramai 169,497 orang telah membeli Sijil-sijil Simpanan Premium dengan nilainya sebanyak \$22,503,520 sehingga 30hb September, 1981. Bagaimanapun semenjak awal tahun ini penjualan Sijil-sijil Simpanan Premium telah berkurangan sedikit jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Di samping itu, kadar tebusan juga telah meningkat dan telah melebihi jumlah jualan. Saya tidak dapat memastikan sama ada keadaan ini adalah akibat saingan daripada Amanah Saham Nasional kerana Bank Simpanan Nasional sedang mengkaji sebab-sebab yang menyebabkan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 7.

MAJUIKAN/MAJUTERNAK— FUNGSI PENDUA

7. Tuan Chieng Tiong Kai (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada fungsi berdua (duplicating) berlaku antara MAJUIKAN dan Jabatan Perikanan dan antara MAJUTERNAK dan Jabatan Haiwan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, fungsi pendua (duplicating) tidak berlaku di antara MAJUIKAN dengan Jabatan Perikanan dan MAJUTERNAK dengan

Jabatan Haiwan. Kedua-dua badan ini ditubuhkan dengan mempunyai bidang tugas masing-masing. MAJUIKAN adalah Badan Berkanun yang ditubuhkan untuk mewujudkan dan memajukan perindustrian perikanan sambil menyatukan tenaga kaum nelayan melalui organisasi persatuan nelayan. Manakala Jabatan Perikanan adalah Jabatan Kerajaan yang menyediakan dan menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan untuk pembangunan dan kemajuan kaum nelayan seperti menyediakan infrastruktur, perkembangan, penguatkuasaan undang-undang, penyelidikan sumber-sumber perikanan, latihan kepada nelayan-nelayan dan memberi khidmat teknikal.

Fungsi pendua juga tidak berlaku di antara MAJUTERNAK dengan Jabatan Haiwan. MAJUTERNAK dipertanggungjawabkan untuk memajukan industri ternakan secara besar-besaran dan juga untuk meningkatkan kaedah serta mengawasi sistem pemasaran dan pemerosesan hasil-hasil ternakan di negara ini. Jabatan Haiwan pula bertanggungjawab ke atas pemberian khidmat-khidmat perkembangan, nasihat, menjamin baka-baka ternakan yang baik dan memberi bantuan berbentuk subsidi kepada penternak-penternak kecil di bawah program-program pengeluaran ternakan. Di samping itu Jabatan Haiwan juga memberi khidmat-khidmat kesihatan kepada ternakan-ternakan. Ini diadakan bukan sahaja untuk menambahkan hasil pengeluaran ternakan tetapi juga memberi pendapatan tambahan kepada penternak-penternak kecil.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut tentang tidak ada berlakunya duplikasi dalam fungsi badan-badan seperti MAJUIKAN, Jabatan Perikanan, MAJUTERNAK dan Jabatan Haiwan. Saya ingin bertanya beliau, apakah dengan adanya badan-badan yang berikut yang menurut beliau tidak ada duplikasi bahawa objektif-objektif yang dibuat untuk membangunkan nasib nelayan dan untuk tujuan-tujuan keperluan negara dapat diatasi, umpamanya harga ikan di negara kita terus mahal dan harga daging juga terus mahal.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua badan berkanun yang disebutkan iaitu MAJUIKAN dan MAJUTERNAK telahpun berikhtiar sedaya upaya bagi menambahkan keluaran hasil yang berkenaan iaitu ikan dan daging dan adalah didapati keadaannya dari masa ke semasa bertambah baik walaupun keadaan sekarang ini harga yang didapati meningkat sedikit, tetapi usaha-usaha terus dijalankan oleh kedua-dua badan yang berkenaan itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar memang terdapat sedikit penduaan dan kekeliruan di antara dua badan tersebut iaitu Jabatan Perikanan dan MAJUIKAN. Misalnya, di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri pada satu masa pihak MAJUIKAN telahpun memulakan kerja-kerja untuk mengadakan satu projek besar-besaran, tetapi apabila diadakan pertukaran Menteri, maka telahpun ada satu dasar baru iaitu MAJUIKAN hanya menumpukan untuk memajukan perindustrian perikanan di laut tetapi Jabatan Perikanan pula di darat. Jadi saya ingin tahu sama ada dasar baru ini benar kerana memang terdapat berbagai kekeliruan.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, fungsi panduan ini tidaklah berlaku kerana ianya dengan jelas ditentukan untuk tiap-tiap badan berkanun yang berkenaan itu, khususnya untuk MAJUIKAN seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi mungkin benar apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu timbul kekeliruan, barangkali oleh sebab ada orang-orang yang tidak memahami fungsi MAJUIKAN ini dan juga fungsi Jabatan Perikanan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perubahan dasar apabila pertukaran seseorang Menteri, ini tidaklah berlaku dengan keseluruhannya, kerana tugas MAJUIKAN ialah memajukan industri perikanan, termasuk perusahaan perikanan secara besar-besaran iaitu perusahaan perikanan di lautan dalam dan juga pada

masa yang lalu dalam perusahaan ternakan ikan air tawar dengan cara besar-besaran, tetapi Yang Berhormat Menteri Pertanian sekarang memikirkan bahawa usaha penternakan ikan air tawar patut dijalankan secara kecil-kecilan oleh petani-petani sendiri, tidak lagi oleh pihak MAJUIKAN.

LPN DAN JABATAN PERTANIAN— KERUMITAN PETANI

18. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa LPN dan Jabatan Pertanian adalah di bawah Kementerian yang berlainan dan menimbulkan kerumitan dalam melaksanakan projek-projek terutama sekali yang memberi faedah kepada petani-petani dan jika ya, sama ada Kerajaan bercadang meletakkan kedua-dua Jabatan ini di bawah satu Kementerian.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Lembaga Padi dan Beras Negara dan Jabatan Pertanian adalah di bawah Kementerian yang berlainan. Walau bagaimanapun perkara ini tidak menimbulkan apa-apa kerumitan dalam melaksanakan projek-projek yang memberi faedah kepada petani-petani oleh kerana penyelarasan dan perhubungan yang rapat wujud di antara kedua agensi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan lisan selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 18 adalah diberi di bawah ini).

TANAMAN SEMULA GETAH

3. Datuk Lee Boon Peng minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada Kementerian beliau telah berjaya menjadikan lebih banyak pekebun kecil getah supaya menanam semula di tanah kecil mereka memandangkan turunnya harga-harga ketika ini, dan sama ada Kerajaan akan menambahkan bantuan yang diberi oleh RISDA sekarang kepada pekebun-pekebun kecil itu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Shariff Ahmad): Keadaan harga getah yang turun pada masa ini, sesungguhnya tidaklah dapat menunjukkan kesan ke atas usaha-usaha penanaman semula, kerana ianya masih baru berlaku. Bagaimanapun Kementerian menjangka kesannya ke atas usaha menanam semula mungkin dapat dirasai dalam tahun 1982 nanti.

Pada tahun 1981 ini, Kerajaan telahpun meluluskan kenaikan kadar bantuan tanam semula daripada \$900 kepada \$1,500 untuk jenis tanaman selain daripada getah dan daripada \$1,200 kepada \$2,200 untuk tanaman getah. Selain daripada itu, dibawah Skim Penggalak Tanam Semula (SEPENTAS), keistimewaan adalah diberikan kepada pekebun kecil, terutamanya mereka yang memiliki tanah 10 ekar ke bawah. Oleh yang demikian, buat masa ini Kerajaan tidaklah bercadang untuk menambahkan lagi bantuan untuk tanam semula getah.

Di bawah SEPENTAS, mereka yang mempunyai tanah 10 ekar ke bawah diberi \$100.00 subsidi, sara hidup sebulan selama 6 tahun; dan yang mempunyai 5 ekar ke bawah, disamping sara hidup diberi saham oleh Estet Pekebun-pekebun Kecil. Ini ialah untuk menolng mereka meninggikan pendapatan seseorang kerana saiz tanah mereka kecil.

LPN DAN JABATAN PERTANIAN— BERLAINAN KEMENTERIAN

18. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa LPN dan Jabatan Pertanian adalah di bawah Kementerian yang berlainan dan menimbulkan kerumitan dalam melaksanakan projek-projek terutama sekali yang memberi faedah kepada petani-petani dan jika ya, sama ada Kerajaan meletakkan kedua-dua Jabatan ini di bawah satu Kementerian.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya sedar Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dan Jabatan Pertanian adalah di bawah Kementerian yang berlainan. Walau

bagaimanapun, perkara ini tidak menimbulkan apa-apa kerumitan dalam melaksanakan projek-projek yang memberi faedah kepada petani-petani oleh kerana penyelarasan dan perhubungan yang rapat ujud di antara kedua-dua agensi tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 dan Anggaran Pembangunan, 1982 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Keduabelas).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa).

Tuan Pengerusi: Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, ada 12 Kementerian lagi untuk mendapat pertimbangan Anggaran Perbelanjaan oleh Majlis ini, masa ada 5 hari sahaja lagi jumlah maksima yang dibenarkan oleh mesyuarat. Satu jalan sahaja yang sama bercadang untuk mengatasi masalah ini iaitu mulai minggu hadapan perbincangan dilanjutkan sehingga malam, tambah waktu persidangan dan saya bataskan percakapan kepada Ahli Yang Berhormat pada 15 minit sahaja dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menumpukan terus kepada perkara butiran dan projek atau kepala berapa, bekalan atau pembangunan dengan tak berlengah supaya dapat seberapa banyak diucapkan dengan seberapa ramai Ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Ingatlah iaitu 5 hari sahaja dan ada 12 Kementerian, jadi itulah yang saya cadangkan mulai minggu hadapan ditambah lagi waktu perbincangan, dilanjutkan masa persidangan Majlis ini dan saya hadkan pada 15 minit tiap-tiap seorang bercakap.

Dan sekarang Majlis sedang menimbangkan Anggaran Perbelanjaan di bawah Maksud B. 37 dan P. 37 di bawah Kementerian Perusahaan Awam dan oleh sebab semalam ada 3 orang sahaja yang bangun untuk bercakap, saya nampak tak ada yang hendak mengambil bahagian banyak dalam Kementerian ini maka saya sudah putuskan semalam, Yang Berhormat Menteri atau wakilnya akan menjawab sebelum jam 5.30 petang ini.

Sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

Maksud B. 37 (Jadual)—

Maksud P. 37 (Anggaran Pembangunan, 1982)—

3.58 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, menyentuh B. 37 mukasurat 369, Butiran 1100, Aktiviti (1), Pentadbiran Am.

Dengan peruntukan sebanyak \$2,350,000 pada tahun 1982, saya berharap pihak Kementerian ini akan memperkemaskan lagi jentera-jentera pentadbirannya di dalam melaksanakan projek-projek baru. Saya juga berharap tahun 1982 dijadikan tahun Kementerian Perusahaan Awam di dalam ertikata satu perusahaan untuk awam iaitu untuk orang ramai. Saya rasa telah lama Kementerian ini diletakkan di belakang Kementerian-kementerian yang lain. Jadi masanya telah tiba bagi kita membawa ke hadapan Kementerian ini supaya dapat memainkan peranannya yang lebih aktif dalam menyelesaikan masalah-masalah semasa yang kita hadapi.

Tuan Pengerusi, saya katakan demikian oleh kerana saya dapati banyak anak-anak syarikat (subsidiaries) Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah mengalami kerugian sehingga terpaksa ditutup oleh kerana tidak banyak liputan atau laporan dibuat melalui akhbar-akhbar mengenai kegiatan-kegiatan Perbadanan Kemajuan Negeri dan anak-anak Syarikatnya. Ini menimbulkan satu masalah kurang pengawasan dari pihak awam. Jadi saya rasa eloklah pihak Kementerian ini

memberi lebih publisiti tentang kegiatan yang telah, sedang dan akan dijalankan supaya memberi peluang kepada pihak awam menyuarakan kritik-kritik membina demi untuk kemajuan Kementerian ini. Saya berpendapat bahawa melalui kritik-kritik inilah pihak Kementerian akan mendapat maklumbalas dari pihak awam.

Sebagai satu contoh sekiranya pihak Kementerian hendak menjalankan sesuatu projek adalah elok kiranya pihak awam diberi peluang untuk meneliti dan menganalisa projek itu dan memberi pendapat-pendapat sama ada baik atau buruk. Sekiranya kurang baik adalah wajar kiranya pihak Kementerian ini mengkaji semula projek tersebut. Dengan berbuat demikian pihak Kementerian akan menjadi lebih yakin dalam melaksanakan projek itu.

Tuan Pengerusi, pihak Kementerian juga mempunyai peluang untuk meneliti kelemahan-kelemahan yang mungkin dihadapi dalam perlaksanaan dan membuat jangkaan-jangkaan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan itu. Jadi sekali lagi saya menyeru pihak Kementerian ini supaya membanyakkan publicity, terutama sekali memasukkan laporan-laporan kegiatan-kegiatan dalam akhbar-akhbar tempatan.

Tuan Pengerusi, penutupan beberapa anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri telah menimbulkan banyak tandatanya, di antaranya, adalah kenapa penutupan itu berlaku, tidakkah satu tinjauan dibuat sebelum melaksanakan projek itu. Kenapakah anak syarikat dibiarkan menanggung kerugian sebegitu lama baru ditutup, kenapakah, dengan izin, bolehkah saya sebut "Anak Syarikat, jadi yang mengawal bapa syarikat".

Tuan Pengerusi: Boleh.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Pengerusi, bapa syarikat tidak mengambil berat tentang anak syarikat.

Tuan Pengerusi: Emak syarikat yang mana pula? (*Ketawa*).

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Mungkinkah bapa syarikat menganggap anak syarikat sebagai anak tiri, jadi di manakah letaknya kesilapan.

Tuan Pengerusi, kita sedar tidak ada guna kita menangis kerana nasi telah menjadi bubur, manusia mempelajari dan menjadi lebih pandai dari kesilapan-kesilapan yang lepas. Jadi saya berharap pihak Kementerian ini akan mengkaji kenapakah anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri telah mengalami kerugian. Dan apakah tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mengelakkannya dan jadikanlah kerugian-kerugian yang telah kita alami itu sebagai satu titik permulaan atau satu cabaran untuk kita mendapat balik modal yang hilang. Untuk mencari keuntungan di masa akan datang, kalau tidak silap saya, satu laporan sedang dibuat mengenai perkara ini dan sekiranya tidak, saya berharap pihak Kementerian berbuat demikian. Saya berharap agar Kementerian jadikanlah laporan ini sebagai satu panduan di dalam pelaksanaan projek-projek baru.

Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan dan menekankan kesemua perkara penting di bawah Kementerian ini.

Pertama, bahawasanya saya berharap Kementerian ini akan memperhebatkan lagi kegiatan-kegiatan perumahan. Sebagaimana yang kita sedar ini adalah satu masalah negara, sebagai membuka mata pihak Kementerian ini, saya rasa perkataan 'Setingan' telah mula bertapak di Malaysia, kegiatan-kegiatan perumahan perlu dijalankan dengan lebih giat, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan Perbadanan Kemajuan Negeri kedua bahawasanya saya berharap pihak Kementerian ini akan meneliti kemungkinan untuk membekalkan bahan-bahan keperluan harian seperti gula, susu, Milo, Ovaltine, Horlicks dan sebagainya dalam kategori ini. Dahulu harga gula hanya 65 sen, tetapi sekarang \$1.00, dahulu harga susu 65 sen tetapi sekarang \$1.40. Ini adalah dua contoh yang saya dapat beri, Sekarang nampaknya bahan-bahan keperluan yang

tersebut tadi telah menjadi bahan-bahan mewah dan saya berani berkata susah benar Milo atau Ovaltine dihidangkan oleh kumpulan berpendapatan rendah. Perkara ini sangat menyedihkan jika dibandingkan negara kita sebuah negara yang agak kaya, tetapi rakyat tidak mampu menikmatinya.

Tuan Pengerusi, saya berharap pihak Kementerian akan meneliti dua perkara ini, jadikan Kementerian Perusahaan Awam untuk memberi faedah kepada orang ramai. Saya rasa pihak Kementerian tidak akan mengalami kerugian sekiranya menubuhkan dua buah anak syarikat untuk maksud di atas, kerana permintaan akan sentiasa ada sekiranya harga itu berpatutan.

Tuan Pengerusi, di dalam melaksanakan projek-projek baru, saya juga berharap pihak Kementerian ini akan meneliti tentang perlaksanaannya dengan mendalam sekali dan menumpukan bawaha kegiatan-kegiatan dan kelengkapan pengurusan mencukup.

Akhir sekali, saya mengesyorkan supaya tahun 1982 dijadikan tahun Kementerian Perusahaan Awam dalam ertikata memberi perkhidmatan dan keperluan pada orang ramai.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Panti.

4.16 ptg.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya juga bangun hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Awam, Maksud P 37, Butiran 1 dan 2, iaitu Pinjaman kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan juga Bank Pembangunan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan sebagaimana yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Petani tadi dan ini telah diketahui oleh umum bahawa pinjaman yang akan diberikan begitu banyak iaitu sebanyak \$245 juta pada tahun 1982. Jadi dengan pinjaman yang begitu banyak kepada Kemajuan-kemajuan Negeri, saya harap apa yang telah diberi amaran oleh pihak Kerajaan yang mana setengah-

setengahnya telahpun diarahkan supaya ditutup dan dengan bantuan atau pinjaman yang akan datang ini supaya masa yang diberi oleh Kerajaan selama 6 bulan supaya menentukan sikapnya supaya akan lebih untung lagi atau akan lebih rugi lagi. Jadi, saya harap dengan pinjaman yang begitu banyak tidak akan disia-siakan dan kesilapan yang berlaku pada masa yang lalu iaitu apabila pihak Kerajaan Pusat atau pihak Kementerian ini memberi pinjaman kepada Kemajuan-kemajuan Negeri, seolah-olah pihak Kementerian berlepas tangan kepada pihak Kemajuan Negeri ini dan tidak ada monitor daripada pihak Kementerian dan meyerahkan bulat-bulat kepada pihak Kemajuan-kemajuan Negeri. Jadi pihak Kemajuan Negeri juga membuat sesuka hati mengadakan projek-projek yang sesuka hati yang mana di dalam Lembaga-lembaga Pengarahnya yang terdiri kebanyakannya yang saya tahu daripada ahli-ahli yang sudahpun bekerja berpuluh-puluh tahun dengan Kerajaan dan telahpun berpencen, maka mereka ini dijadikan ahli di dalam Lembaga Kemajuan-kemajuan Negeri ini.

Saya tidak menuduh kesemua mereka itu tidak dedikasi, tetapi sebahagian besar daripada mereka maktumlah orang yang sudah pernah bekerja dan sudah berumur mereka menjadi Ahli Lembaga itu mereka tidak mahir di segi bidang perniagaan, sedangkan anak-anak syarikat Kemajuan Negeri ini adalah merupakan commercial, merupakan perniagaan yang mereka selama ini bekerja dengan Kerajaan hanya menjadi pentadbir, tetapi apabila masuk dalam bidang perniagaan mereka tidak ada pengalaman. Saya berharap Kementerian akan mengambil perhatian berat pada masa yang akan datang dan terpaksa pihak Kementerian ini campurtangan dalam urusan-urusan yang dibuat oleh pihak Kemajuan-kemajuan Negeri.

Umpamanya, pihak Kemajuan Negeri banyak memohon kepada Kerajaan-kerajaan Negeri kawasan-kawasan tanah sama ada kawasan hutan, kawasan bijih timah, kawasan pertanian dan sebagainya. Tetapi apa yang berlaku pihak Kemajuan-kemajuan Negeri ini mereka tidak sendiri menjalankan

perusahaan ini bahkan membuka peluang kepada syarikat-syarikat lain untuk memajukan tanah yang dipohon oleh Kemajuan-kemajuan Negeri ini dengan hanya pihak Kemajuan Negeri ini mengambil sedikit tribute daripada syarikat yang menjalankan perniagaan lombong dan sebagainya. Jadi kalau hanya sekadar mendapatkan tribute sahaja, jadi saya rasa ini telah merugikan pihak Kemajuan Negeri sendiri dan kalau dapat biar pihak anak-anak syarikat atau Kemajuan Negeri itu sendiri menjalankan perusahaan lombong, dia sendiri yang menjalankan perusahaan lombong itu, jangan diberi kepada orang lain dengan hanya mendapatkan sedikit tribute daripada pihak-pihak yang menjalankan kerja.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya juga ingin meminta penjelasan nanti di dalam waktu pihak Kementerian menjawab kerana saya difahamkan salah satu daripada Perbadanan Kemajuan Negeri ini umpamanya di negeri Johor—KEJORA, telah berkongsi niaga dengan pihak 'Asahaview' yang mana akan mendirikan hotel bertaraf antarabangsa tetapi saya difahamkan bahawa pihak KEJORA atau Perbadanan Kemajuan Negeri hanya akan memperolehi 40% daripada sahamnya dan pihak 'Asahaview' pula akan mendapat 60%.

Kalau benar perkara ini berlaku saya minta supaya Kementerian campurtangan dan saya mencadangkan supaya biar pihak KEJORA atau Perbadanan Kemajuan Negeri ini menguasai perniagaan "Hotel Asahaview" ini dan saya cadangkan sebagaimana dalam Dasar Ekonomi Baru sekurang-kurangnya 51% hendaklah dikuasai oleh pihak KEJORA ataupun pihak Perbadanan Kemajuan Negeri, bukan 40%: 60% sebagaimana yang saya difahamkan dan saya harap perkara ini tidak akan berlaku. Sekiranya benar perkara ini berlaku, Tuan Pengerusi, saya harap perkara ini tidak boleh dibiarkan.

Satu lagi yang ingin saya sentuh sedikit berkenaan dengan Butiran 3 iaitu Bank Pembangunan Malaysia. Oleh kerana Bank Pembangunan Malaysia ini sekarang telah sedikit sebanyak saya lihat telah banyak memberikan sumbangan kepada pemaju-

pemaju khasnya pemaju bumiputra yang ingin mendapat pinjaman daripada pihak Bank Pembangunan Malaysia ini tetapi ada beberapa perkara yang saya pandang dan kalau boleh dapat ditimbang semula oleh pihak Bank Pembangunan Malaysia ini terutama sekali tentang syarat-syarat pinjaman, kerana saya difahamkan bila seseorang itu hendak meminjam umpamanya \$300,000 ke bawah, maka disyaratkan dia mestilah mempunyai wang pendahuluan yang sedia ada sekurang-kurang \$70,000.

Jadi kalau seseorang bumiputra umpamanya hendak mewujudkan wang sebanyak \$70,000 baru boleh meminjam sebanyak \$300,000; saya rasa bagi seorang bumiputra yang baru hendak berniaga, ini sulit sedikit. Saya harap supaya dapat ditibangkan daripada \$70,000 itu dikurangkan sedikit kepada \$30,000. Jadi biar dia dapat menyediakan \$30,000 dan membolehkan dia meminjam sehingga \$300,000. Mudah-mudahan dengan ini saya harap banyak bumiputra akan dapat menjalankan perusahaan-perusahaan dengan bantuan daripada pihak Bank Pembangunan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.13 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, suka saya merujuk kepada mukasurat 369 di bawah Aktiviti Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan pengeluaran permit atau lesen teksi dalam Bandaraya Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa Lembaga Pelesenan di bawah pimpinan Pengerusinya ada cuba sedaya upaya menjalankan usaha melaksanakan satu dasar pelesenan di atas prinsip pemilik-pemandu (owner-operator) di mana lesen-lesen atau permit-permit dikeluarkan kepada mereka yang hanya benar-benar memandu teksi untuk mencari nafkah.

Saya juga faham bahawa baru-baru ini lesen-lesen ada dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang hendak memohon

permit untuk menjalankan operasi memandu teksi. Tetapi saya suka juga mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Setiausaha Parlimen yang berkenaan mengenai masih ada ramai pemandu-pemandu teksi yang tulin dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang telah memandu teksi lebih daripada 12 tahun tetapi masih belum dikeluarkan lesen walaupun mereka telah beberapa kali memohon dan dipanggil untuk ditemuduga.

Baru-baru ini saya telah mengemukakan satu senarai pemohon-pemohon (pemandu-pemandu teksi) kepada Lembaga Pelesenan yang telah memandu teksi selama 6 tahun ke atas untuk pertimbangan Lembaga Pelesenan mengeluarkan lesen. Pemandu-pemandu teksi itu sebagaimana saya kata tadi telah memohon banyak kali dan juga telah dipanggil temuduga tetapi malangnya tidak berjaya. Di antara pemohon-pemohon yang telah saya sampaikan itu kepada Lembaga Pelesenan yang berkenaan ada termasuk ramai bekas-bekas perajurit yang pernah berkhidmat dengan tentera dan polis.

Tuan Pengerusi, saya suka menggesa pihak berkuasa yang berkenaan supaya mengkaji dan menyemak senarai yang telah disampaikan oleh saya supaya pertimbangan yang sewajarnya dapat diberi untuk mengeluarkan lesen-lesen atau permit-permit kepada mereka.

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menimbang untuk memberikan keutamaan bagi memproses dan meluluskan permohonan-pemohonan untuk mendapat permit atau lesen teksi kepada mereka yang telah memandu teksi sekurang-kurangnya 6 tahun ke atas.

Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, kejayaan pelaksanaan dasar pelesenan, dasar membantu pemilik pemandu mendapatkan lesen tidak sahaja dapat membasmikan perniagaan "Ali-Baba" tetapi juga akan membantu pemandu-pemandu teksi meninggikan taraf ekonomi mereka oleh kerana mereka mampu memperolehi lebih pendapatan untuk menyara keluarga mereka.

Atas perkara yang sama, suka saya menarik perhatian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan berhubung dengan Bahagian Rayuan Pelesenan Pengangkutan yang ada di bawah Kementerian yang berkenaan. Atas perkara rayuan ini, saya suka mengesyorkan di sini bahawa tempoh yang diberikan kepada si pemohon yang tidak berjaya di dalam permohonan mereka hendaklah ditambah dari 10 hari kepada sekurang-kurangnya 2 minggu oleh sebab sekiranya hanya 10 hari diberi kepada mereka membuat rayuan, maka saya berpendapat bahawa masa itu tidak cukup oleh sebab kadangkala surat dihantar kepada si pemohon ini mengambil masa 4-5 hari sebelum si pemohon dapat terima surat daripada Kementerian yang berkenaan. Oleh sebab masalah kelewatan pos kadang-kala yang berlaku, saya meminta supaya tempoh 10 hari ini dapat ditambah ke sekurang-kurangnya dua minggu.

Perkara yang kedua yang saya ingin menyentuh dan juga perkara yang akhir ialah berkenaan dengan mukasurat 372 di bawah Kepala P. 37, Butiran 4, berkenaan dengan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Di sini saya ingin menyentuh tentang peranan UDA yang di antara lain mempunyai program pembangunan bandar secara menyeluruh di dalam konteks menyusun semula masyarakat yang meliputi rancangan seperti pembaharuan semula bandar dan juga pembangunan bandar baru atau pembangunan komuniti.

Di atas perkara pembangunan bandar di mana UDA ada diberi satu peranan yang penting, saya berharap pihak UDA dapat memainkan satu peranan yang lebih giat di dalam bidang perumahan dan terus dapat membina rumah-rumah untuk kediaman orang ramai ataupun pihak yang hendak memohon rumah-rumah itu. Oleh sebab saya anggap bahawa pada masa ini UDA nampaknya tidak ada mengambil bahagian yang giat dalam bidang perumahan dan saya berpendapat bahawa sekiranya strategi ini boleh diubah maka saya yakin pihak UDA boleh memainkan satu peranan yang penting dalam satu perkara yang penting iaitu berkenaan dengan pembinaan perumahan.

Satu lagi perkara yang saya ingin membangkitkan di sini ialah berkenaan dengan ruang niaga untuk penjaja-penjaja dalam bandaraya Kuala Lumpur. Dalam peranan UDA untuk membangun bandar, saya harap bahawa lebih banyak ruang niaga dapat dibina oleh UDA sebagai satu cara, misalnya, di dalam bandaraya Kuala Lumpur di mana terdapat ramai penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil yang sentiasa menghadapi kesukaran untuk mendapatkan tapak yang sesuai daripada pihak bandaraya. Maka saya harap bahawa sekiranya UDA dapat memainkan satu peranan yang lebih giat maka penjaja-panjaja dan peniaga-peniaga kecil boleh memohon ruang niaga ini untuk menjalankan perniagaan mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

4.24 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Saya bangun untuk memberi sepatah dua kata kepada Kementerian Perusahaan Awam di bawah B. 37, mukasurat 371. Butiran 4100—Bayaran Pindahan.

Saya tujukan di sini ialah kepada Lembaga Padi dan Beras Negara. Sebagai modal tambahan untuk pembelian padi yang berjumlah \$47 juta bagi tahun 1982, ini saya rasa adalah satu sumbangan yang besar daripada pihak Kerajaan Pusat, tetapi apa yang saya sedih saya perhatikan Lembaga Padi dan Beras Negara ini di saat-saat yang akhir ini daripada berita-berita yang kita dengar kurang di dalam pengawasan, beberapa stok di dalam keadaan bahaya dan juga daripada apa yang saya dengar daripada orang-orang yang berhampiran dengan Lembaga Padi dan Beras Negara ini banyak daripada simpanan-simpanan itu keadaannya tidak sihat bergelumbang dengan tikus dan sebagainya.

Perkara ini kita tidak tahu sama ada betul atau tidak. Kita akan tahu cuma kalau apabila berlaku sesuatu kekecohan di dalam negara seperti satu ketika dahulu barulah kita tahu keadaan sebenarnya. Dalam perkara ini

saya harap Lembaga Padi dan Beras Negara ini hendaklah diawasi oleh Kementerian dan hendaklah disiasat bentuk simpanan yang dibuat kepada padi dan beras, sebab ini adalah merupakan makanan penting dan makanan utama kepada orang ramai. Kita tidak mahulah nanti apabila berlaku sesuatu keadaan yang tidak diinginkan apabila dibuka segala simpanan di gudang-gudang didapati padi dan beras itu tidak boleh lagi dimakan oleh manusia, sudah berupa mengandungi racun dan sebagainya kerana laporan-laporan yang saya dengar amatlah menyusahkan hati saya apabila membaca dalam siaran akhbar dan apabila saya bertanya pihak yang berkenaan ia mengesahkan keadaan itu. Saya berharap Pengerusi yang baru dilantik akan dapat mengawasi keadaan ini.

Kedua, masalah bahagian modal tambahan kepada pembeli padi ini, sukacita saya mencadangkan supaya Lembaga Padi dan Beras Negara ini memainkan peranan sebagai stok penimbal kepada pembelian kedudukan padi dan beras di dalam negara kita. Perkara ini boleh dibuat dengan mengeluarkan jualan bon kepada orang ramai untuk membeli saham-saham supaya orang ramai sama-sama terlibat dan bertanggungjawab menyimpan padi ini dan melaksanakan penimbalan harga setimpal harga padi dan beras dalam negara ini. Tetapi untuk mengadakan sistem yang sedemikian gudang-gudang tempat menyimpan padi ini perlulah diletakkan di tempat-tempat yang strategik untuk peredaran.

Sekarang ini kita lihat pembinaan gudang-gudang simpanan padi dan beras kepunyaan LPN ini cuma diletakkan di tempat-tempat yang berhampiran dengan ladang-ladang, sawah-sawah padi sahaja tetapi tidak ada tempat yang strategik. Misalnya, kalau dikehendaki dengan serta-merta kalau negara kita dilanda oleh sesuatu bencana kita susah hendak dapat kerana kadang-kadang itu pembinaan kilang tersebut tidak ada tempat yang tertentu yang berhampiran dengan jalanrayakah atau berhampiran dengan jalan-jalan untuk menghubungi negeri-negeri yang berkehendakan bekalan-bekalan itu tidak ada dibuat kajian sama ada jalan-jalan itu akan menempuh banjir atau tidak. Ini

amatlah penting supaya makanan di dalam negara kita ini tidak mengancam kedudukan penduduk yang mengharapkan beras dan padi ini yang merupakan makanan utama dalam negara kita.

Perkara yang kedua, mukasurat yang sama di bawah peruntukan P. 37, Butiran 1, Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri. Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, sehingga hari ini saya belum dengar lagi pihak Kementerian menetapkan satu dasar yang tertentu apabila memberi pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri. Jadi dalam perkara ini sukaiah oleh sebab kita ini sudah merdeka 23 tahun, pinjaman-pinjaman daripada Kerajaan Pusat patutlah pihak Kementerian menetapkan satu dasar mengikut keutamaan (priority) pembangunan daripada satu-satu negeri itu supaya pinjaman ini tidaklah merupakan satu pinjaman mengikut-ikut iaitu oleh sebab negeri A meminjam kerana hendak membuat projek B, negeri C pun meminjam yang serupa untuk perprojek B juga. Jadi kadang-kadang susah kalau sudah banyak sangat negeri itu membuat pinjaman untuk satu-satu projek yang sama, susah Kementerian hendak mengawal. Apa salahnya kalau pihak Kementerian menetapkan sesuatu dasar tertentu kepada sesuatu negeri itu menghadkan projek-projek yang hendak dibuatnya itu supaya tidak berlaku penutupan dan sebagainya. Ini apa yang kita lihat pada masa-masa yang lalu kalau satu negeri itu telah berjaya membuat kilang batik negeri-negeri di seluruh negara pun meminta pinjaman untuk buat kilang batik. Jadi timbullah persaingan pasaran sehinggakan kilang-kilang terpaksa ditutup.

Dalam perkara ini kalau pihak Kementerian dapat menetapkan satu dasar pinjaman kepada tiap-tiap negeri dan supaya dapat diawasi pinjaman tersebut sehinggakan pinjaman ini betul-betul mendatangkan hasil kepada negeri-negeri yang memohon pinjaman.

Yang Kedua, masalah pinjaman ini juga, Tuan Pengerusi, saya minta pihak Kementerian juga menetapkan supaya pinjaman ini merupakan dengan izin, Tuan

Pengerusi, “commercially oriented” bukannya lagi “experimentally oriented”. Pada masa yang lepas-lepas pinjaman ini diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri merupakan pinjaman yang berbentuk percubaan (experimental). Jadi telah tiba masanya untuk pihak Kementerian menegaskan dan juga menentukan satu sikap, membentuk satu sikap apabila hendak mengurus atau menjalankan projek-projek apabila mengambil pinjaman-pinjaman yang tertentu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Apa yang kita lihat selama ini, Tuan Pengerusi, ialah pinjaman syarikat-syarikat yang tertutup ini ialah saya perhatikan bukan tiada keupayaan Kerajaan Negeri itu hendak melaksanakan projek-projek tetapi apa yang berlaku ialah boleh dikatakan sabotase maka sebab itulah banyak projek-projek yang mendapat pinjaman daripada Kerajaan Pusat dan ditadbirkan oleh Kerajaan Negeri ini tidak berjaya dan baru-baru ini banyak terpaksa ditutup. Kalau sabotase ini dapat dikaji dan dapat dibetulkan, daripada sikap-sikap orang-orang yang berpura-pura ada ketikanya hendak menjalankan joint-venture mengambil kesempatan kononnya hendak menolong bumiputera dan sebagainya tetapi separuh jalan ditinggalkan setengah dapat segala isi, segala yang manis-manis; segala yang pahit-pahit, yang tulang itu ditinggalkan; inilah yang perlu, yang saya tujukan tadi sikap itu hendaklah ditentukan apabila projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri yang menggunakan pinjaman daripada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan kejayaan pada masa yang akan datang. Ini perlu, Tuan Pengerusi, diamati sebab kalau hendak diikuti dalam Rancangan Malaysia Keempat dan Dasar Ekonomi Baru kita cuma ada lebih kurang 10 tahun sahaja lagi. Kalau pihak Kementerian ini tidak ada membuat kajian yang mendalam masalah-masalah kegagalan yang dihadapi oleh projek-projek yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri maka perlulah pihak Kementerian ini mengadakan satu task-force yang mengandungi orang-orang yang berpengalaman dan praktikal supaya dapat mengkaji dan membetulkan projek-projek yang pada ketika ini sedang berjalan.

Ada satu lagi perkara, Tuan Pengerusi, daripada segi kritik. Kadang-kadang itu silapnya, Tuan Pengerusi, bukan orang ramai kadang-kadang itu tidak mahu kritik projek-projek yang dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri, orang ramai takut, takut terkorban sebab maklumlah dia ada banyak hubungan perniagaan. Apabila dia hendak kritik nanti dia pula terkorban tidak dapat hendak berniaga; dia senyapkan begitu sahajalah.

Dalam perkara ini kadang-kadang itu juga salahnya Ketua-ketua Jabatan ataupun Menteri-menteri ataupun Ketua-ketua Menteri dan Menteri Besar terlampau sangat mempertahankan kedudukan Pengarah-pengarah dan orang-orang yang menjalankan tugas itu. Apabila dikritik oleh orang ramai, belum sempat lagi dibuat kajian, pihak Menteri itu sudah mempertahankan nama mereka ini ataupun kerja-kerja mereka ini tanpa siasatan mendalam.

Jadi, saya rasa itu adalah merupakan kesilapan yang lalu dan saya berharap di bawah pimpinan 2M, perkara-perkara seperti ini tidak berlaku lagi. Dengan itu saya menyokong peruntukan Kementerian.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

4.35 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyentuh mukasurat 372, Butiran 1, mengenai peruntukan bagi Perbadanan Pembangunan Bandar.

Saya rasa agak gembira ingin merakamkan sukacitanya saya bahawa peruntukan yang telah pun diumumkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat adalah hampir satu kali ganda daripada apa yang telah diperuntukan bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Pada tahun ini sahaja peruntukan secara pinjaman yang telah pun diperuntukan bagi UDA adalah \$345 juta iaitu satu peruntukan yang begitu besar sekali. Kita semua tahu semasa lahirnya UDA, UDA telahpun memberi harapan yang begitu banyak kepada rakyat khususnya rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan bandar

kerana tujuan utamanya adalah untuk membangunkan kawasan-kawasan bandar bertujuan untuk menukar struktur masyarakat dalam bandar.

Memanglah pada mulanya saya rasa segala-galanya telah pun berjalan dengan begitu lancar sekali dengan UDA, tetapi malang seribu kali malang selepas itu ada sahajalah perubahan-perubahan dasar sehingga saya rasa rakyat pun sudah mula keliru dan saya rasa pegawai-pegawai UDA pun tentu keliru dan bertambah bingung. Kalau tidak, masakan begitu banyak pegawai-pegawai yang berkebolehan telah pun meletakkan jawatan daripada UDA.

Sekarang ini selepas dasar demi dasar diubah, dibuat pula diubah dan sebagainya, sekarang dengar kata baru-baru ini telah pun dibuat satu kenyataan akhbar bahawa pembangunan akan hanya dijalankan di dalam beberapa bandar-bandar besar sahaja. Saya rasa ini adalah satu development, satu perkara baru yang saya rasa agak mungkin akan mengecewakan ramai yang inginkan benar-benar untuk melihat para bumiputera datang, tinggal dan juga berniaga di bandar-bandar. Pada suatu masa dahulu, saya pernah dengar satu arahan yang telah pun diberi kepada UDA oleh Allahyarham Tun Abdul Razak supaya UDA juga menumpukan jangan sekadar di bandar-bandar besar sahaja tetapi juga di bandar-bandar kecil. Apabila arahan ini dikeluarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak maka saya masih ingat lagi berbagai-bagai rancangan sudah pun mula diadakan untuk bandar-bandar kecil seperti Baling misalnya dan juga bandar-bandar yang lain. Tetapi entah ke mana pergi rancangan-rancangan itu.

Jadi, saya inginlah merayu kepada pihak UDA dan pihak Kementerian supaya baliklah kepada dasar lama dahulu, dasar mula-mula dibuat semasa UDA diwujudkan dan kalau boleh biarlah ditumpukan perhatian juga kepada bandar-bandar yang kecil, lebih-lebih lagi bandar-bandar yang agak strategik. Saya ingin membawa satu contoh yang boleh menggambarkan keadaan yang saya namakan bahawa UDA harus juga bergiat dalam bandar-bandar yang strategik.

Saya contohkan Kulim—bukanlah oleh sebab kawasan saya. Pada tahun 1957 tidak ada satu pun pekedai bumiputera di bandar Kulim dan saya sendiri menjadi Wakil Rakyat di sana sudah 3 tahun tetapi sehingga sekarang belum lagi ada sebuah pun kedai bumiputera di bandar Kulim, inilah malangnya. Bukan sahaja itu tetapi sekarang sudah ada satu kawasan industri di Kulim yang begitu dekat dengan pelabuhan Pulau Pinang dan sudah tentulah saya rasa, perlahan-perlahan Kulim akan berkembang menjadi satu kawasan perindustrian yang terbesar dalam utara Semenanjung Malaysia. Yang anehnya bukan sahaja tidak ada pekedai-pekedai bumiputera di bandar tetapi bertambah lagi pekedai-pekedai yang bukan bumiputera. Dan harapannya hanyalah saya rasa yang boleh diubati oleh UDA sahaja; kalau tidak saya rasa segala ikhtiar Kerajaan untuk hendak membesarkan kawasan industri itu supaya bumiputera juga dapat kata orang mengambil peluang dari spin-off of services dan juga business dalam kawasan industri itu tidak akan berjaya.

Saya inginlah menyarankan kepada pihak UDA supaya janganlah pula lupa tentang bandar-bandar yang strategik seperti Kulim itu. Mungkin ada berbagai-bagai lagi bandar dekat Johor Bahru di sana, Ipoh dan sebagainya yang strategik harus juga dimasukkan dalam senarai bandar-bandar di mana UDA harus memainkan peranan yang penting.

Dahulu kita pernah mendengar PERUDA dan di Kulim dan di berbagai-bagai tempat kemajuan telah pun terdapat mengenai projek-projek PERUDA iaitu joint venture antara UDA dengan Perbadanan Kemajuan Negeri. Tengah jalan dasar diubah dan perkara ini ditinggal semata-mata kepada Perbadanan dan pihak Perbadanan tidak cukup kakitangan dan sebagainya maka tanah-tanah yang dahulu sudah dibersihkan oleh PERUDA dan sebagainya sekarang sudah jadi semak samun, hutan belantara balik, jadi inilah banyak kerugian-kerugian. Saya rasa pihak UDA haruslah jangan tinggal soal pembangunan bandar-bandar ini kepada Perbadanan sahaja tetapi UDA harus menitikberatkan balik dasar-dasar asalnya

iaitu untuk memainkan peranan pembangunan di bandar-bandar kecil dan juga di bandar-bandar strategik.

Keduanya, dalam soal UDA juga. Sekarang ini terdapat gerai-gerai yang dibuat oleh MARA di mana dapatlah sedikit sebanyak menampung keperluan bumiputera untuk mendapat ruang-ruang niaga di bandar-bandar kecil dan bandar strategik. Tetapi kita tahu bidang tanggungjawab MARA adalah terlalu luas dan sudah tentulah MARA tidak dapat menumpukan perhatian yang penuh disebabkan MARA tidak mempunyai kakitangan dan kemahiran yang cukup untuk kata orang mendirikan, membangunkan gerai-gerai MARA dengan cara besar-besaran di bandar-bandar—memang tidak boleh.

Di mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri Kedah misalnya kita telah pun membincangkan perkara ini, memang MARA tidak mempunyai kemampuan untuk mendirikan gerai-gerai MARA dengan cara besar-besaran, itu satu. Keduanya, kita tahulah gerai-gerai MARA ini kadang-kadang ada terlalu kecil, hanya sesuai untuk peniaga kecil dan sebagainya, ini merupakan stall sahaja. Di samping itu, di mana UDA memainkan peranan UDA mendirikan bangunan-bangunan, rumah-rumah kedai yang besar—dua tingkat, tiga tingkat, 4 tingkat dan sebagainya. Saya rasa memang ada sesuatu kekosongan tentang ruang niaga atau rumah-rumah kedai yang merupakan intermediate, di antara gerai-gerai MARA ini tadi dengan rumah-rumah kedai yang besar-besaran yang mahal dan sebagainya. Saya rasa inilah satu tempat di mana pihak UDA boleh memainkan peranan untuk mengisikan kekosongan tersebut iaitu dengan cara membina rumah-rumah kedai setingkat dan sebagainya atau rumah-rumah, kedai yang agak lebih kecil dan lebih murah dan sebagainya. Saya rasa dalam perkara ini hanya UDA sahajalah yang boleh memainkan peranan untuk mengisi kekosongan tersebut.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, iaitu mengenai khidmat kepakaran dan nasihat yang diberi oleh UDA kepada pihak bumiputera yang mempunyai tanah-tanah di

bandar-bandar dan juga di tempat-tempat strategik untuk membangunkannya. Dahulu memanglah kita terdengar bahawa siapa sahaja yang mempunyai tanah di kawasan-kawasan bandar, di kawasan-kawasan yang strategik yang ada potensi bolehlah pergi kepada UDA dan UDA mempunyai pegawai-pegawai yang cukup untuk memberi nasihat dan juga khidmat kepakaran bagaimana hendak buat pelan dan selepas itu kemukakan pelan kepada pihak-pihak Kerajaan dan sebagainya sehingga projek tersebut dapat dijalankan dengan licin baharulah UDA serahkan balik kepada pihak bumiputera yang berkenaan.

Salepas itu, rasa saya pada satu peringkat telah pun berlaku satu kekeliruan ataupun perubahan dasar dengan tidak periksa dengan cara mendalam, khidmat kepakaran dan nasihat ini tidak diberi ataupun tidak digalakkan tetapi baharu-baharu ini saya dengar perkara ini sudah pun dipulihkan semula, maafkan saya menggunakan huruf pulih, dan membolehkan semula. Saya rasa ini adalah satu dasar pokok UDA iaitu UDA sendiri pergi membangunkan tetapi di mana boleh, di mana tanah-tanah sudah pun dipunyai oleh bumiputera UDA hanya memberi khidmat nasihat dan kepakaran tetapi saya rasa ini merupakan satu dasar pokok UDA dan saya rasa ianya akan kekal sebagai satu dasar pokok UDA dan dapat berkesan dengan sesungguhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

4.47 ptg.

Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Awam di bawah Maksud 37, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tolong sebutkan balik mukasurat berapa?

Datuk Edwin Anak Tangkun: Mukasurat 369—Pentadbiran Am, Butiran 1100.

Tuan Pengerusi, di sini ingin saya memberi pandangan sedikit untuk diambil perhatian oleh Kementerian Perusahaan Awam kerana dalam hal ini saya berpendapat bahawa Ketua Pegawai atau Pengarah LPN di peringkat negeri tidak ada kuasa sama sekali untuk meluluskan borang-borang permohonan pembeli padi dan beras, bahkan Ketua Pengarah Lembaga seorang sahaja yang dapat meluluskan borang tersebut. Tuan Pengerusi, saya selalu diberi tahu oleh kaum bumiputera di negeri Sarawak sebab kadangkala permohonan mereka itu diluluskan sangat lambat.

Saya bersetuju dengan pandangan orang ramai itu, namun demikian, kelulusan borang itu patutlah dibuat oleh Pengarah LPN di peringkat negeri. Dalam hal ini saya juga percaya bahawa Pengarah LPN di peringkat negeri memang perlu diberi kuasa penuh untuk memudahkan peranan pemohon yang berkehendakkan lesen pembeli padi dan beras di peringkat negeri Sarawak dan Sabah.

Saya tidak menentang kuasa-kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah LPN yang ada sekarang tetapi untuk memudahkan lagi kepada kaum bumiputera yang bergerak di negeri Sarawak kerana saya dapati kebanyakan permohonan lesen pembelian padi dan beras itu adalah dari kaum bumiputera.

Di dalam hal ini, saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam akan dapat mengambil perhatian dan jika difikirkan perlu Akta LPN itu patutlah dipinda untuk memberi kuasa penuh kepada Pengarah di peringkat negeri khususnya di Sarawak dan Sabah.

Tuan Pengerusi, ingin juga saya menyentuh berhubung dengan beras yang diimport ke negeri Sarawak pada hari ini. Pada dua tahun yang berturut-turut beras yang diimport ke Sarawak sangat kurang baik kalaulah di banding dengan tahun-tahun yang lalu walaupun harga Beras Kedah itu diambil kira lebih murah dari beras yang diimport dari Thailand tetapi mutu beras itu sangat kurang baik. Oleh hal yang demikian, saya di sini merayu kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam supaya dapat memberi

arahan kepada pihak LPN supaya pihak LPN akan dapat memproseskan beras sebelum ianya dieksport ke negeri Sarawak. Saya berharap bahawa Kementerian ini akan dapat ambil perhatian supaya beras yang dikeluarkan kepada Sarawak dengan mutu yang lebih baik dari yang ada sekarang.

Selain dari itu, ingin saya menyentuh Butiran 4100, mukasurat 371, pecahan (7)—Pemberian Subsidi Harga Padi.

Berhubung dengan subsidi yang diberi kepada pemborong yang membeli padi dan beras negara, ingin saya di sini mengesyorkan kepada pihak yang berkuasa supaya pemberian subsidi harga padi ini akan dapat dikaji dengan teliti. Saya dapati bahawa kaum petani di negeri Sarawak telah bertanya kepada saya mengapakah sebab kaum petani di negeri Sarawak belum lagi menerima bantuan subsidi harga padi dari Kerajaan. Ini memang benar bahawa banyak kaum petani di kawasan saya akan menunggu-nunggu bantuan subsidi dari Kerajaan ini.

Tuan Pengerusi, mengikut Kertas Perintah 25/1981, Butiran 4100, pecahan (7) itu peruntukan bantuan subsidi telah diluluskan sebanyak \$35 juta dan peruntukan disediakan untuk tahun 1982 sebanyak \$222 juta, ini merupakan bahawa Kerajaan kita akan membelanjakan lebih daripada \$185 juta pada tahun 1982.

Tuan Pengerusi, saya di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Persekutuan kerana dapat memberi peruntukan pada tahun depan agar ini dapat memuaskan kepada kaum petani dan ini satu langkah Kerajaan Barisan Nasional meninggikan semangat kaum petani untuk memperangsangkan mereka bergiat lagi di bidang menanam padi secara besar-besaran tetapi malangnya oleh kerana perkara ini perkara yang baru, kalau tak silap ingatan saya pemberian subsidi harga padi ini terpulanglah kepada pemborong yang mendapat lesen membeli padi dan beras sahaja dan jika polisi ini akan terus dijalankan oleh pihak LPN dan tidak memberi peluang kepada petani yang betul-betul menjadi petani, saya khuatir bahawa perkara seperti ini akan perlu dikaji semula

supaya tiap-tiap seorang kaum petani di seluruh negara akan dapat menerima subsidi dari Kerajaan dengan cara berpatutan.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.55 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya bangun ambil bahagian dalam B. 37, mukasurat 369, Aktiviti (2) di bawah Butiran 1100 Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Tuan Pengerusi, saya perlu menarik perhatian Kementerian Perusahaan Awam khasnya dan Dewan yang mulia ini amnya tentang dasar pelesenan yang diamalkan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan. Saya adalah menyokong segala usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memberikan segala keutamaan (priority) untuk mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi kaum bumiputera khasnya mempertingkatkan aktiviti ekonomi mereka dalam bidang pengangkutan jalan. Saya yakin tidak seorang pun akan mempersoal atau menentang usaha-usaha yang dijalankan selama ini oleh Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Satu perkara yang saya cuba menarik perhatian Kementerian Perusahaan Awam ialah tentang caranya Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan untuk mempertimbangkan permohonan-permohonan dari pemandu-pemandu teksi dan lori. Tuan Pengerusi, saya perlu menarik perhatian Dewan yang mulia ini kerana beberapa aduan yang saya terima selama ini di Kota Melaka umpamanya, saya merasa terperanjat dan hairan apakah sebabnya seseorang pemandu teksi yang berpengalaman memandu teksinya melebihi 10 tahun, 16 tahun dan ada sebahagiannya melebihi 18 tahun dan sudah bertahun-tahun memohon dan merayu kepada Lembaga Pelesenan ini tetapi permohonan dan rayuan mereka telah diketepikan. Ini ada menimbulkan berbagai masalah dan tanda tanya apakah dasar Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di

bawah Kementerian ini untuk menentukan sesuatu permohonan.

Memang saya perlu memberikan buktinya, umpamanya pada tahun 1979 ada lesen teksi sebanyak 959 diluluskan. bumiputera telah menduduki 827, bukan bumiputera 129 dan lain-lainnya 3. Untuk tahun 1980 lesen teksi yang dilulus dan diperuntukkan untuk bumiputera ialah 2,870, untuk bukan bumiputera ialah 850 dan lain-lainnya kosong.

Tuan Pengerusi, apa yang menarik perhatian saya ialah jumlah permohonan yang diterima pada tahun 1979 untuk teksi ialah 5,815, untuk tahun yang lepas (1980) ialah 9,184. Ini sudah menunjukkan bahawa bilangan lesen yang dikeluarkan ini bukan sahaja tidak mencukupi sehingga masalah lesen yang dikeluarkan ini bukan sahaja tidak mencukupi sehingga masalah lesen dialibabakan selalu berlaku. Walaupun beberapa kenyataan sudah menafikan perkara ini dan menjalankan pemeriksaan mengejut saya yakin perkara ini boleh disah dan boleh dibuktikan bagaimana seriusnya kekurangan bilangan lesen teksi ini diberikan oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Begitu juga lesen 'A' untuk lori. Tuan Pengerusi, saya tidak tahu apakah sebabnya begitu susah bagi tuanpunya-tuanpunya lori-lori yang selama ini ada yang melebihi 20 tahun untuk menjalankan perusahaan pengangkutan tetapi mereka sangat susah untuk mendapat lesen 'A' untuk lori mereka. Umpamanya, untuk tahun 1979 sebanyak 6,230 permohonan sudah diterima dan juga bagi tahun 1980 sebanyak 3,504 permohonan untuk lori 'A' ini telah diterima, yang diluluskan ini saya perlu menarik perhatian Dewan yang mulia ini ialah untuk tahun 1979 ialah 1,799 yang di antaranya 1,180 ialah diperuntukkan untuk bumiputera dan untuk bukan bumiputera ialah 374.

Pada tahun 1980 sebanyak 1,814 lesen A lori ini telah diperuntukkan, bumiputera telah memperolehi 1,671, bukan bumiputera 28 sahaja.

Tuan Pengerusi, saya tidak mempersoalkan kriteria atau dasar yang diamalkan oleh Lembaga Pelesenan

Pengangkutan Jalan. Satu perkara yang saya cuba titikberatkan ialah kepentingan ekonomi, kepentingan perusahaan pengangkutan ini perlu dititikberatkan supaya setiap rakyat yang sangat memerlukan lesen-lesen untuk kehidupan mereka perlulah diutamakan, bukanlah lesen ini diberikan kepada orang yang dia sendiri tidak membawa teksi atau yang menjalankan perusahaan pengangkutan, hanya melalui cara Ali-Baba sahaja.

Saya memang sedar tuduhan yang saya buat ini adalah serius tetapi satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun ialah keadaan ini sedang berlanjutan. Saya harap Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, khasnya Menteri Perusahaan Awam boleh mengetatkan dan mengawal lebih ketatnya setiap lesen, baik teksi atau lori ini hanya boleh diperuntukkan untuk tuannya teksi dan lori yang mereka sendiri menggunakan lesen ini untuk mencari kehidupan mereka. Ini adalah sangat mustahak. Jika sekiranya mereka yang memperolehi lesen teksi atau lori tidak menjalankan perusahaan sendiri maka lesen mereka perlu ditarik balik, kecuali orang yang cacat yang perlu bergantung kepada lesennya ini untuk hidup, barulah ini perlu dikecualikan. Jika tidak, Kerajaan saya fikir perlulah tegas atas perkara ini supaya lesen ini hanya boleh dinikmati oleh golongan yang miskin yang bergantung kepada pemanduan teksi dan lorinya bolehlah digunakan oleh orang-orang yang benar-benar memerlukannya. Saya harap perkara ini perlulah diambil perhatian berat dan saya harap procedure untuk merayu kepada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan ini bolehlah diperbaiki. Kadang-kadang notis yang dikeluarkan untuk temuduga ini sangat singkat. Bila temuduga diadakan barulah mereka menerima surat panggilan interview. Saya harap perkara ini juga boleh diambil berat.

Satu perkara lagi saya akan sentuh, Tuan Pengerusi, ialah ada berkaitan dengan perusahaan kecil yang dijalankan di bawah muka surat 373, Butiran 7 dan 10, yang berkaitan dengan Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya harap khasnya Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Butiran 10 Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, kalau Belanja Mengurus peruntukan tidak ada.

Tuan Chan Teck Chan: Butiran 7 Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sdn. Bhd.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Chan Teck Chan: Saya harap syarikat ini bolehlah memberikan segala keutamaan bagaimanakah makanan khasnya buah-buahan yang dikeluarkan oleh Malaysia ini boleh ditinkan, kemudian dieksport. Saya fikir kebanyakan buah-buahan yang dikeluarkan oleh Malaysia ini bolehlah diproses dan ditinkan sebagai bahan makanan yang sangat sedap, umpamanya, rambutan. Ini sangat berjaya dan sehingga boleh setanding dengan lychee yang diimport dari Taiwan ataupun China, kerana ketika saya mengadakan cuti di seberang laut pujian yang saya terima atas rambutan tin ini adalah sangat-sangat disanjung tinggi. Saya harap syarikat perusahaan makanan ini bolehlah mengadakan beberapa kajian dan ujian untuk mengetingkan umpamanya, kalau boleh durian atau lain-lain buah-buahan saya fikir boleh juga mempopularkan nama Malaysia dengan melalui makanan yang ditinkan itu.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

5.05 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh peruntukan yang hendak diberikan kepada Kementerian Perusahaan Awam ini untuk tahun 1982 di samping itu izinkan saya memperkatakan serba sedikit beberapa perkara di bawah Kementerian Perusahaan Awam ini.

Yang pertama, ialah pada muka surat 371, Maksud Bekalan 37, Butiran 4100 yang bertajukkan Bayaran Pindahan Aktiviti (3) dan (5), Lembaga Padi dan Beras Negara dan Pemberian kepada Lembaga Padi dan Beras Negara sebagai modal tambahan untuk pembelian padi.

Tuan Pengerusi, dalam masalah perjalanan Lembaga Padi dan Beras Negara ini yang terang sekali dapat saya perkatikan di Dewan yang mulia ini ialah yang berlaku di dalam kawasan saya sendiri iaitu di Tanjong Karang.

Buat permulaannya sukacita saya memberikan pujian dengan setinggi-tingginya kepada pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Lembaga ini yang ada di kawasan itu dengan tidak mengira masa, malam, siang, subuh, senja, pendek kata waktu hujan lebatpun mereka bertugas dalam sesuatu peringkat masa kerana mengendalikan masalah pasaran padi dan pembelian padi daripada petani-petani ini. Ini yang membanggakan dan saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana mendapat pegawai-pegawai dalam satu Lembaganya yang begitu baik. Cuma ada beberapa perkara yang menjadi rungutan rakyat di kawasan tersebut.

Yang pertama, ialah masalah potongan timbangan padi yang dibeli oleh Lembaga ini daripada petani-petani. Saya suka menyatakan di sini semasa Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua Dewan ini menjadi Pengerusi Lembaga ini dahulu, potongan padi yang dibuat dari timbangan di kawasan yang tersebut paling tinggi 10%. Itu paling tinggi, tetapi pada hari ini entah bagaimana puncanya, entah apa sebabnya yang tidak diketahui oleh petani-petani di kawasan itu maka yang paling rendah potongan 10% dan yang paling tinggi hingga 35% pun ada berlaku. Kebanyakan dalam lingkungan 15% dan 20% Apa sebabnya, ini kurang diketahui oleh petani-petani kawasan yang berkenaan dan juga mereka keliru macam manakah rupa padi yang dikehendaki yang tidak ada potongan. Rakyat di kawasan tersebut tidak tahulah kalau ada kawasan-kawasan lain dari Tanjong Karang ini ada padinya yang baik

yang 100% sesuai mengikut pendapat Lembaga ini yang dibeli tanpa potongan tetapi kawasan tersebut hairan, adakah padi yang sudah tidak berkulit yang tidak payah dikenakan potongan.

Pada pendapat rakyat, di kawasan itu kalau padi yang sudah tidak berkulit bukan padi lagi namanya, Tuan Pengerusi. Jadi, inilah yang harus diberi penjelasan. Saya sebagai wakil mereka selalu menghubungi pegawai-pegawai Lembaga ini dan pegawai Lembaga inipun tidak dapat menerangkan dengan jelas bagaimana rupa padi yang tidak ada potongan dan tidak ada pula contoh yang boleh disimpan. Ini contoh padi. Kalau dapat mengikut contoh padi ini maka tuan-tuan, petani-petani di sini tidak dikenakan potongan langsung kerana inilah padi yang dikehendaki. Macam ini, kata orang kawasan itu. Tetapi tidak ada contoh. Jadi, Lembaga ini saya suka mengesyorkan supaya diberi satu contoh kepada mereka, untuk contoh ini dibawa sepikul atau 10 kati ke kawasan Parlimen Tanjong Karang dan tunjukkan kepada pesawah-pesawah di sana, buat padi yang seperti ini maka tidak ada potongan 100% diterima dengan harga yang telah ditetapkan.

Maka berpuas hatilah rakyat di kawasan itu dan wakilnya pun senang hati, pegawai-pegawai Lembaga inipun sedap tidur sebab tidak dikacau oleh orang ramai yang berkehendakkan hal yang demikian. Itu yang pertama.

Yang kedua, masalah pengangkutan. Baru-baru ini saya bagi pihak rakyat di kawasan itu mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Datin Paduka Menteri Perusahaan Awam ini kerana datang sendiri melihat bagaimana sulitnya pengangkutan daripada pusat pembelian padi LPN ke kilang, ke kompleks LPN kerana ada satu masalah yang saya nampak terang iaitu tidak ada siapa yang bertanggungjawab bagi mengangkut padi kerana padi itu setelah dibeli oleh wakil untuk diangkut ke kilang LPN menjadi tanggungjawab petani membayar upah angkut itu. Jadi maknanya tidak ada siapa yang bertanggungjawab tetapi ditadbirkan,

ditolong oleh pegawai LPN ini dengan sepenuh tenaga mereka mencarikan siapa-siapa tuannya lori yang sanggup mengangkut padi itu ke kilang LPN. Jadi dengan cara ini kita tak dapat hendak pegang siapa yang boleh mengangkut padi itu secara rasmi, siapa hendak datang angkut, angkutlah. Kalau pihak lori itu fikir dia ada kerja lain lagi lebih mustahak dia angkut yang lain tak datang angkut padi.

Saya mengesyorkan di Dewan yang mulia ini pada masa yang akan datang sebaik-baiknya dikontrak, dicari satu saudagar lori, kalau pihak LPN tidak mempunyai lori yang cukup kita cari satu saudagar lori pada musim padi tahun 1982 yang pertama misalnya siapa tokeh yang sanggup menyediakan lori dengan secukupnya bagi mengangkut padi dari pusat belian padi ke kompleks LPN dengan upah sekian ringgit pada tiap satu pikul, buat agreement dengan mereka dan pihak LPN menyediakan seorang pegawai yang menguruskan hal ini supaya dapat menolong petani walaupun dalam undang-undang ini bukan tanggungjawab LPN tetapi berilah pertolongan kerana rakyat hari ini faham Lembaga ini ialah untuk menolong mereka. Jadi saya fikir adakan satu cara pemborong bagi mengangkut padi supaya mereka bertanggungjawab dengan kenderaan yang cukup bagi mengangkut padi.

Saya tak payah ceritakan proses bagaimana sulit padi kalau kena hujan, bagaimana rosaknya, bagaimana perkara yang musnah tak payah sebut di dalam Dewan yang mulia ini, kerana Yang Berhormat Datin Paduka telah melihat sendiri.

Apa yang telah terjadi baru-baru ini seolah-olah macam darurat berlaku di kawasan itu, lori-lori Kerajaan, lori-lori jabatan lain bergotong-royong datang menolong menunjukkan kerjasama semua pegawai di kawasan yang berkenaan dapat dengan sebaik-baiknya bagi menolong rakyat di kawasan itu dan membantu pentadbiran LPN di kawasan itu. Jadi inilah yang kita sangat berbangga, kebijanya pegawai-pegawai di kawasan berkenaan sehingga dapat menarik minat pegawai-pegawai jabatan lain menolong dalam urusan ini. Kita harap ini akan berterusan, Tuan Pengerusi.

Perkara ketiga, masalah pada mukasurat 372, Maksud P. 37, Butiran 5, Lembaga Padi dan Beras Negara—Peruntukan Cara Langsung \$58,816,000 dan Pinjaman \$1,299,990.

Pada pendapat saya, peruntukan yang merupakan pinjaman ini eloklah dimasukkan ke dalam kumpulan diberi cara langsung kerana perkhidmatan LPN ini boleh dikatakan bukan untuk kepentingan pesawah padi sahaja tetapi untuk semua rakyat yang makan nasi adalah memerlukan perkhidmatan LPN ini. Jadi dalam negara ini kalau saya tidak silap, hampir 99% rakyat atau manusia yang tinggal dalam negara ini adalah makan nasi. Oleh sebab itu, tenaga LPN ini adalah memberi faedah kepada kumpulan demikian, maka patut peruntukan pinjaman ini ditarik balik dan diberi cara langsung kepada LPN supaya mereka lebih dapat gagah lagi bergerak bagi mengendalikan hal ini.

Dalam perkara ini saya teringat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian ini telah menjelaskan pada tahun 1982 beberapa kompleks kilang padi dan mengering padi LPN akan dibuat dalam negara ini. Jadi sebelum itu saya suka menarik perhatian iaitu kilang-kilang atau kompleks yang sedia ada ini nampaknya sangat teruk pegawai-pegawai yang berkenaan untuk menempatkan padi-padi yang telah dibeli daripada pesawah-pesawah, kerana tak cukup terpaksa diletakkan di padang dan ditutup dengan kain kemah dan macam-macam lagi. Jadi dengan sebab itulah saya kata tadi ada pegawai yang bekerja sampai subuh untuk menyelamatkan padi ini. Jadi kalau dapat sebelum kompleks kilang padi ini dapat didirikan dengan sebanyak-banyaknya, persediaan kepada kilang-kilang yang ada itu hendaklah ditambah lagi, diberi peruntukan supaya mereka dapat lengkap yang merupakan setor tempat menyimpan padi sebelum padi itu dapat dikilang atau diedarkan ke tempat lain. Tuan Pengerusi, kerana kerosakan yang berlaku pada kompleks kilang padi LPN ini bukan merugikan LPN sahaja tetapi merugikan negara kerana sangat memerlukan beras daripada perkhidmatan LPN ini.

Kedua ialah pusat mengering padi yang kecil. Mengikut yang saya difahamkan akan didirikan, jadi bila disebut perkataan "akan didirikan" ini kita telah arif dari zaman penjajahan dahulu, jawapan yang berbunyi "akan" ini menakutkan kita. Lagi 10 tahunpun akan juga, besok pagipun akan juga, jadi kalau boleh akan itu kita tukar dengan perkataan lain, Tuan Pengerusi, iaitu hendaklah kita katakan: dimulakan pada awal tahun 1982 dan akhir tahun 1982 siap semua projek ini. Itulah baru dikatakan Kerajaan kita Kerajaan yang cekap dan licin mengendalikan projek termasuk hendak buat kilang ini. Jadi kalau kompleks mengilang padi yang kecil ini dapat kita buat dengan cepat dan dengan banyak di kawasan yang berkenaan masalah pengangkutan itu telah berkurangan dan lebih selamat. Jadi saya percaya apa yang saya cakapkan ini telahpun ada dalam rancangan, dalam pemikiran pihak Kementerian dan Lembaga ini, cuma saya mengingatkan sahaja kalau-kalau ada yang terlupa entah di mana rancangan itu besok agak terlewat.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong semua peruntukan yang diperlukan oleh Kementerian Perusahaan Awam.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Perusahaan Awam untuk menjawab.

5.18 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Haji Hussein bin Mahmud): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, saya ingin mengatitkan ucapan terima kasih yang ikhlas yang datang daripada lubuk nurani saya sendiri kerana teguran-teguran dan juga cadangan-cadangan yang dibuat oleh sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat, dari Kangar, Sungai Petani, Panti, Kuala Lumpur Bandar, Setapak, Batang Lupar, Kulim-Bandar-Bahru dan akhirnya dari Tanjung Karang.

Terlebih dahulu, Tuan Pengerusi, saya ingin memberi sedikit penjelasan secara am mengenai Kementerian Perusahaan Awam supaya ini akan menjadi bahan rujukan ataupun bahan kepada jawapan yang akan

saya berikan sebagai ulasan kepada perkara yang telah disebutkan oleh sahabat-sahabat saya yang saya sebutkan tadi.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, Kementerian ini telah diperuntukkan sebanyak \$1,003,973,900; dari jumlah ini sebanyak \$707,651,000 adalah untuk maksud Pembangunan manakala bakinya berjumlah \$296,322,900 adalah untuk Belanja Mengurus. Sebelum saya menjawab teguran-teguran yang dibangkitkan semasa perbincangan sepertimana yang saya sebutkan tadi, sukalah saya memberi imbasan kepada program-program utama Kementerian ini di dalam Belanjawan 1982.

Agensi-agensi pembangunan Kementerian ini iaitu UDA, PKEN-PKEN dan juga LPN adalah giat melaksanakan program pembangunan di bidang pembaharuan dan pembangunan bandar, projek perumahan, perindustrian, industri perkhidmatan, di samping projek pembangunan fizikal LPN iaitu menambah keupayaan mengilang dan mengering padi dan memperluaskan pelaksanaan skim subsidi padi.

Tuan Pengerusi, UDA telah diberi peruntukan pembangunan berjumlah \$11,816,000 secara langsung dan \$182 juta dan \$59,000 secara pinjaman untuk membiayai program-program pembangunan bandaraya. Di antara projek-projek utama yang sedang dalam pelaksanaan dan akan diteruskan dalam tahun Belanjawan 1982 ialah projek Dayabumi di Kuala Lumpur, Pembangunan Bandar Baru di Tampoi, Johor.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau boleh tolong perlahan sedikit supaya didengar ucapannya.

Tuan Hussein bin Mahmud: Terima kasih. Saya ulang. Di antara projek-projek utama yang sedang dalam pelaksanaan dan akan diteruskan di dalam tahun-tahun belanjawan 1982 ialah projek Dayabumi di Kuala Lumpur, Pembangunan Bandar Baru di Tampoi, Johor dan projek Pembangunan Bandar di Pulau Pinang. Terlibat sama dalam pembangunan bandar ialah kerja-kerja

mengalih dan menyebarkan lalu lintas di kawasan-kawasan pembangunan yang terlibat seperti Program Penyebaran Lalu lintas ke jalan-jalan yang menuju ke projek Dayabumi di Kuala Lumpur.

Bagi LPN pula peruntukan pembangunan sebanyak \$58,816,000 secara langsung dan \$1,299,990 secara pinjaman telah diperuntukkan. Di antara program utama di bawah Perbadanan ini dalam tahun belanjawan 1982 ialah meluaskan perlaksanaan Skim Subsidi Harga Padi ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Sejumlah \$220 juta dijangka akan dibelanjakan untuk tujuan ini dalam tahun 1982. Usaha-usaha memperbanyakkan kompleks LPN untuk menambah keupayaan mengering dan mengilang padi akan diteruskan dalam tahun 1982. Program ini penting bagi memastikan kemampuan LPN untuk membuat pembelian padi yang lebih banyak dari petani-petani berikutan dari penambahan pengeluaran padi oleh petani-petani.

Dalam tahun 1982, 3 lagi kompleks LPN akan dibina di samping dua projek sambungan yang akan menelan belanja sebanyak \$17.52 juta. Kementerian ini juga adalah bertanggungjawab ke atas Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN-PKEN) dari segi penyelarasan, fungsi dan kegiatan pembangunan.

Di dalam tahun belanjawan 1982 sejumlah \$245 juta untuk PKEN-PKEN Semenanjung manakala \$27,685,000 untuk PKEN Sarawak dan \$17,800,000 untuk PKEN Sabah telah diperuntukkan secara pinjaman. Peruntukan-peruntukan ini adalah bertujuan untuk membiayai program-program perumahan, pembangunan kawasan perindustrian, pembangunan dan pembaharuan bandar, pelaburan, pembangunan tanah, pembangunan infrastruktur, pelancungan dan galakan perniagaan.

Di samping PKEN-PKEN, Kementerian ini juga bertanggungjawab ke atas beberapa syarikat-syarikat Kerajaan Persekutuan, seperti FIMA, MSE dan juga Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Syarikat-syarikat ini mempunyai pengkhususan

masing-masing. FIMA adalah giat di bidang industri makanan dan pelaburan-pelaburan yang berkaitan dengannya. Syarikat ini telah diperuntukkan sebanyak \$52,800,000 secara langsung di dalam tahun belanjawan yang akan datang ini.

Di samping itu Bank Pembangunan akan dapat peruntukan sebanyak \$100 juta secara pinjaman untuk operasinya di samping menyediakan kemudahan-kemudahan kewangan kepada usahawan-usahawan bumiputra, Bank Pembangunan juga telah melancarkan program sewapajak jentera-jentera berat untuk membantu kontraktor-kontraktor bumiputra. Bidang pembangunan yang luas dan berbagai yang melibatkan Kementerian Perusahaan Awam melalui agensi-agensinya memerlukan satu tingkat pengurusan yang tinggi demi menjamin kejayaan rancangan-rancangan pembangunan serta sistem pengurusan yang berkesan.

Di dalam tahun 1982 pendekatan Kementerian ini ialah ke arah memperkukuhkan jentera pentadbiran di peringkat Kementerian serta berusaha menyampaikan khidmat terkumpul yakni package kepada agensi-agensinya. Perkhidmatan sokongan seperti sistem maklumat pengurusan serta khidmat pengurusan kepada agensi-agensinya akan dilaksanakan. Ini akan membolehkan Kementerian ini membuat kerja-kerja penyeliaan yang berkesan ke atas agensi-agensinya serta mengatasi masalah-masalah yang dihadapi secara serta-merta. Jumlah pegawai dan kakitangan akan ditambah, manakala unit-unit baru seperti unit perancangan dan pembangunan di samping unit sistem maklumat pengurusan dan unit khidmat pengurusan akan diwujudkan.

Di samping itu, ingin saya merujuk kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Perusahaan Awam.

Semalam Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyatakan bahawa beras adalah tidak mencukupi dalam negara. Masalah ini boleh diatasi, kata beliau dengan

menaikkan harga padi sepikul, umpamanya beliau mengatakan daripada \$30 sepikul sekarang kepada \$40 sepikul.

Tuan Pengerusi, mungkin menaikkan harga padi tidak akan menambahkan pendapatan petani, jika kos pengeluaran juga turut naik. Bagi menambah pendapatan petani dengan harga padi di peringkat sekarang, Kerajaan berusaha untuk mengurangkan kos pengeluaran dengan cara memperkenalkan para petani cara pertanian yang baru menggunakan jentera-jentera moden dan lain-lain lagi. Dan beliau juga, kalau tidak silap saya, Tuan Pengerusi, ada menyebut bahawa dalam keadaan sekarang ini petani-petani mengalami kerugian. Dalam hal ini, usaha-usaha telah dijalankan oleh Pihak Kerajaan melalui LPN iaitu dengan mengadakan skim subsidi, pada awalnya \$2 sepikul dan mulai akhir tahun lepas iaitu pada bulan Julai, 1980 telah dinaikkan kepada \$10 sepikul dan dengan ini bererti harga padi dikaji dari semasa ke semasa dan disesuaikan dengan keadaan keperluan negara dari segi harga beras dan sebagainya.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, patut juga diambil perhatian masalah hasil ataupun untuk menentukan sama ada petani mengalami kerugian ataupun tidak, ini bukan hanya bergantung kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh LPN sahaja, tetapi juga hendaklah dicampurkan dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh badan-badan yang lain seperti Jabatan Pertanian melalui Kementerian Pertanian, melalui subsidi bajanya dan juga melalui LPP — Lembaga Pertubuhan Peladang melalui subsidi-subsidi mengambil upah membajak dan sebagainya dan dengan yang demikian maka sudah tentu kalau dicampurkan segala-galanya ini maka harga net sepikul padi itu bukannya sebagaimana yang kita tahu pada hari ini. Walau bagaimanapun, masalah harga padi yang menjadi nadi kepada petani-petani negara ini adalah sentiasa mendapat kajian daripada pihak yang berwajib terutama sekali pihak Kementerian Perusahaan Awam.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga telah menyebutkan bahawa petani menghadapi masalah pengangkutan kerana

kilang-kilang padi tidak menyediakan pengangkutan. Beliau mencadangkan pengangkutan disediakan oleh LPN.

Tuan Pengerusi, pada hakikatnya urusan mengangkut padi ini bukannya menjadi tanggungjawab LPN. Namun demikian LPN telahpun berusaha dan akan berusaha membantu petani-petani di mana-mana setiap musim tuaian padi, LPN akan mendapatkan kelulusan perintah pindaan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri untuk membenarkan pengusaha-pengusaha Lori permit 'C' mengangkut padi secara sewa di puncak musim menuai. LPN juga ada menyimpan daftar senarai pemilik-pemilik lori yang berkenaan dan LPN boleh mendapatkan kerjasama mereka bagi mengangkut padi petani-petani yang sukar mendapatkan lori. LPN juga sedang mengkaji kemungkinan untuk menyediakan kemudahan pengangkutan sebanyak 75% dari keperluan pengangkutan di pusat-pusat belian agennya yakni belian padi.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga menyebut ada kilang-kilang yang bekerja mengikut waktu pejabat sahaja. Ini mengakibatkan petani-petani tidak dapat menjual padi mereka ke kilang serta menyebabkan padi rosak. Sebentar tadi kita mendengar Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, kalau tidak silap saya, ada menyebutkan bahawa beliau merakamkan perasaan simpati kepada pegawai-pegawai LPN, katanya kadang-kadang bekerja sampai larut malam. Jadi dengan lain perkataan, setengah daripada rungutan dari Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu telah ditolong jawabkan oleh sahabat saya dari Tanjong Karang.

Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, untuk Ahli Yang Berhormat dari Kangar, inilah komen saya iaitu pada musim belian padi, kilang-kilang LPN akan dibuka dan telahpun mendapat maklumat tadi iaitu dibuka hingga lewat petang dan juga seperti yang disebutkan tadi melebihi masa biasa sekiranya ada petani yang datang menjual padi mereka. Kilang-kilang swasta adalah memberi kerjasama di dalam masalah ini.

Seterusnya beliau juga ada menyebut mengenai pusat-pusat belian padi adalah terletak jauh daripada kediaman petani. Tuan Pengerusi, sebenarnya pembelian padi oleh LPN ini bukan hanya di pintu-pintu kilang sahaja kerana pihak LPN telah melantik, misalnya pada tahun 1981 sahaja bagi Semenanjung Malaysia sebanyak 1,891 wakil-wakil pembeli padi yang berlesen. Jadi bererti jarak padi yang hendak dibawa itu tidak semestinya jarak daripada penanam padi kepada pintu kilang tetapi daripada penanam padi kepada agen-agen pembeli padi LPN di tempat-tempat yang berkenaan dan untuk negeri Perlis sahaja kalau dapat saya sebutkan di sini, Tuan Pengerusi, sepanjang tahun 1981 sehingga 31hb Ogos, LPN telah melantik sebanyak 238 wakil-wakil pembeli padi yang berlesen.

Satu lagi rungutan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kangar iaitu terdapat penyelewengan dalam Skim Subsidi Padi yang mana beliau mengatakan pihak yang tidak mengerjakan sawah memperolehi subsidi dengan mendapatkan padi daripada tempat lain. Tuan Pengerusi, ini adalah masalah serius dan LPN, insya Allah akan memberi perhatian yang berat dalam masalah ini dan sekiranya ada Ahli Yang Berhormat dari Kangar atau sebarang sahabat-sahabat saya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dapat membantu dalam masalah ini, kami tidak teragak-agak untuk mengambil suatu tindakan sebagaimana yang dibenarkan oleh peruntukan-peruntukan yang tertentu.

Seterusnya beliau juga menyebut mengenai pengeluaran lesen, terutama perlulah diberi kepada kilang-kilang bumiputra supaya kilang-kilang tersebut tidak ditutup. Tuan Pengerusi, masalah pemberian lesen ini adalah sesuai dengan tempat-tempat padi di mana padi ditanam dan siapa yang menjual padi, maka sudah tentulah bumiputra-bumiputra diberi keutamaan.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga ada menyebut mengenai PKEN Perlis. Beliau seperti biasa meminta Kementerian Perusahaan Awam (KPA) supaya membantu negeri Perlis melalui PKEN Perlis dengan mengadakan projek bagi dilaksanakan memandangkan negeri tersebut kekurangan

projek-projek yang hendak dilaksanakan. Saya mengucapkan berbilang terima kasih ke atas saranan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, PKEN-PKEN adalah sentiasa digalakkan melaksanakan projek-projek di negeri masing-masing bukan sahaja Perlis, terutamanya projek-projek yang berasaskan bahan-bahan sumber. Mengenai negeri Perlis, satu badan petugas yang dinamakan Badan Petugas Pembangunan Perindustrian Negeri Perlis telah pun ditubuhkan. Badan ini telah ditubuhkan bagi mengkaji serta memperakukan cara-cara memperluas dan mempercepatkan kegiatan perindustrian di negeri Perlis. Melalui badan ini yang dianggotai oleh wakil-wakil Jabatan-jabatan yang berkaitan dengan soal perindustrian ini diharapkan projek-projek perindustrian akan dapat diwujudkan dan dilaksanakan di negeri Perlis itu.

Saya hendak beralih pula kepada pandangan yang telah diberikan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Setapak. Beliau ada menyentuh mengenai dasar pinjaman kepada PKEN-PKEN (Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri). Pinjaman-pinjaman diberi hanya kepada projek-projek yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (NDPC). Projek-projek ini dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat dan ini memastikan hanya projek-projek yang telah ditapis sahaja yang diberi pinjaman. Daripada senarai-senarai projek-projek Rancangan Malaysia Keempat itu, pinjaman-pinjaman ditapis oleh Jawatankuasa Pinjaman yang dianggotai pula oleh Kementerian Perusahaan Awam, pihak Perbendaharaan, EPU dan ICU daripada Jabatan Perdana Menteri. Selepas pinjaman itu diluluskan maka adalah menjadi tanggungjawab pihak Kementerian ini untuk mengawasi perjalanan projek itu peringkat demi peringkat.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak juga ada menyebut mengenai pemeriksaan dan kawalan ke atas LPN. Sebenarnya pihak Kementerian telah pun mengambil langkah untuk menguatkan lagi penyeliaan ke atas LPN termasuk pemeriksaan fizikal ke atas

simpanan padi/beras LPN yang pada keadaan biasanya dibuat 4 kali setahun.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, saya hendak tambah sedikit yang saya terlupa tadi mengenai pinjaman kepada PKEN yakni asas pertimbangan juga diberi untuk pinjaman kepada PKEN-PKEN itu adalah dibuat oleh satu Jawatankuasa Teknik yang berdasarkan projek viability — kalau didapati viable diluluskan, dan kalau didapati tidak viable sudah tentu tidak diluluskan.

Tuan Pengerusi, perkara yang akhir disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak ialah beliau meminta supaya kajian dibuat mengenai kegagalan projek-projek PKEN-PKEN sepertimana yang dapat dilihat melalui penutupan anak-anak syarikat PKEN sepertimana yang telah diumumkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Jadi, Tuan Pengerusi, di dalam masalah ini dan juga di dalam masalah projek-projek yang lain; apabila satu-satu kegagalan itu berlaku maka sudah tentu kegagalan ini dibuat kajian. Kalau hendak dikatakan 'post-mortem' pun boleh tetapi kalau tidak hendak dikatakan 'post-mortem' pun tidak mengapalah, tetapi kajian memang dibuat dan hasil daripada kajian-kajian ini maka sudah tentulah kita akan mendapat panduan-panduan untuk badan-badan pelaksanaan projek Kerajaan selanjutnya.

Beralih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, beliau meminta memperhebatkan projek perumahan oleh PKEN dan UDA. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, projek-projek perumahan memang merupakan projek yang dilaksanakan oleh PKEN-PKEN dan juga UDA. Misalnya, ada setengah-setengah negeri melaksanakan projek-projek sama ada secara projek PKEN sendiri ataupun bagi pihak Jabatan Perumahan Negara bagi rumah-rumah kos rendah dan begitu juga UDA, salah satu agen UDA ialah UDA/SEA Park umpamanya.

Seterusnya satu perkara lagi yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani yakni beliau hendak dikatakan merungut pun tidak tetapi merintih mengenai kurangnya publisiti mengenai Kementerian ini dan

beliau mencadangkan supaya kita mengadakan Tahun Kementerian Perusahaan Awam. Jadi, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, masalah publisiti ini kadang-kadang ada baik dan begitu juga di sebaliknya. Sudah tentulah di mana publisiti perlu, insya allah akan diadakan publisiti dan mengenai Tahun Kementerian Perusahaan Awam ini sama ada tahun hadapan atau selanjutnya, insya allah, kita perlu kaji dan teliti dahulu dan kalau perlu mungkin dapat dilaksanakan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Panting menyentuh mengenai PKEN. Beliau mengatakan bahawa Kementerian Perusahaan Awam tidak mengawasi PKEN selepas pinjaman diberikan. Ini telah pun saya jawab tadi melalui jawapan yang telah diberikan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak. Beliau juga ada mengesyorkan supaya anak syarikat PKEN sendiri menjalankan perniagaan-perniagaan yang tertentu dan memang inilah kalau dianggapkan perniagaan itu termasuk daripada mandiri, menjual dan menyewakan rumah sampailah kepada menjadi peruncit-peruncit (retailers) maka ini adalah perkara yang dibuat oleh PKEN hanya mengikut darjah (degree) dan keperluan di tempat masing-masing.

Perkara seterusnya beliau mengatakan kurang keupayaan pegawai-pegawai PKEN menguruskan projek perniagaan. Dalam hal ini Kementerian Perusahaan Awam, insyaallah pada tahun 1982 akan mengadakan program latihan kakitangan kepada yang dirasakan perlu dan ini akan diperhebatkan lagi termasuklah pegawai-pegawai PKEN.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, beliau mula-mula sekali menyentuh mengenai dasar pengeluaran permit teksi atau apa yang disebutkan tadi owner operator. Memang begitulah semua permohonan baru untuk mendapatkan permit teksi atau kereta sewa tertakluk kepada salah satu dasarnya ialah kepada dasar owner driver. Saya ulangi, semua permohonan baru untuk mendapatkan permit teksi atau kereta sewa adalah tertakluk kepada dasar owner driver.

Kriteria-kriteria yang diperlukan antara lainnya, seseorang pemohon mestilah mempunyai lesen memandu dan juga terpulanglah kepada keperluan bilangan jumlah teksi yang diperlukan. Misalnya kalau Kuala Lumpur memerlukan 50 dan kalau ada 50 yang memandu teksi sekian-sekian lama masa mungkin itu dipertimbangkan. Selain daripada itu bagi bekas tentera yang mempunyai lesen PSU, kelonggaran sedikit diberi di dalam perhitungan lama menjadi pemandu teksi. Misalnya kalau, saya katakan kalau, orang biasa katakan 10 tahun atau permohonan dari Ahli Yang Berhormat tadi 6 tahun mungkin bekas perajurit atau bekas anggota polis ini kita kurangkan sedikit memandangkan jasa-jasa mereka kepada negara ini.

Begitu juga pernah saya sebutkan pada minggu baru lalu ini di satu tempat, kita tidak dapat melayan permohonan teksi sekarang ini kalau tidak ada salinan lesen pemandu PSU disertakan dengan borang permohonan CL3 yang berkenaan.

Beliau juga ada menyebutkan berkenaan projek perumahan oleh UDA. Skim perumahan yang dijalankan oleh UDA sepertimana yang saya sebutkan sebagai jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani tadi adalah merupakan sebahagian daripada kerja-kerja UDA walaupun kerja utamanya ialah pembangunan bandar, sepertimana yang terdapat seperti UDA-SEA Park dan sebagainya. Seterusnya beliau ada menyebut mengenai peluang berniaga untuk penjaja-penjaja. Sebenarnya ruang niaga ini telahpun ditetapkan supaya difungsikan oleh MARA.

Beliau ada menyebutkan mengenai rayuan. Saya sedar bahawa apabila sesuatu permohonan itu ditolak oleh Lembaga Perlesenan dan Pengangkutan Jalan maka ada peruntukan yang memerlukan rayuan dibuat kepada Yang Berhormat Menteri dalam masa 10 hari. Ini ada sebab-sebabnya mengapa terjadi 10 hari. Tetapi bagi teksi kadang-kadang kita melonggarkan sedikit dalam sehari dua. Misalnya saya mengambil contoh tidak extreme tetapi agak jauh sedikit, surat jawapan penolakan dihantar

daripada Kuala Lumpur ke sebuah pulau di kawasan Tumpat mungkin akan mengambil masa dua minggu dan kita akan mengambil perhitungan perkara-perkara yang semacam ini dan kalau sekiranya dalam masa dua minggu dijawab, bagi tempat-tempat yang berkenaan, ini akan dipertimbangkan dan telah dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Tetapi bagi orang-orang yang berniaga besar-besar, lori dan sebagainya tempatnya adalah berhampiran dengan Kuala Lumpur dan boleh sampai dalam masa dua tiga hari maka mungkin kelonggaran ini tidak dapat ditimbang. Walau bagaimanapun, perkara ini insya Allah, kita buat kajian dan sejauh mana kesannya yang tidak baik terhadap mereka yang terlibat dengan masalah rayuan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru telah menyentuh mengenai UDA hendaklah juga membina bandar-bandar kecil selain daripada konsentrasinya kepada bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan seumpamanya.

Tuan Pengerusi, sejak tahun 1971 UDA telah bergiat berselerak di merata-rata tempat. Ini telah menyalurkan tenaga UDA kepada terlalu banyak tempat dan kesannya sedikit. Maka dengan cara yang demikian telah dikurangkan kerja-kerja UDA itu kepada bilangan yang agak kecil sedikit misalnya UDA telah membuat penumpuan kepada 14 bandar, dibuat untuk menentukan perkara-perkara yang dijalankan itu berkesan dan teratur. Juga penumpuan UDA kepada 14 buah bandar tidaklah bermakna bandar-bandar lain tidak dititikberatkan oleh pihak Kerajaan kerana Kerajaan mempunyai agensi-agensi yang lain di samping UDA untuk memerhatikan pembangunan ini kerana ini perlu dilihat dalam pembangunan negara keseluruhannya.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa ada menyebut Ketua Pegawai LPN peringkat negeri tidak ada kuasa untuk meluluskan lesen-lesen. Sebenarnya dasar pengeluaran lesen sekarang ini adalah dipusatkan (dicentralisekan) di Kuala Lumpur atau di Ibu Pejabat LPN. Ini adalah lebih baik dari segi keadaan dan pelaksanaan.

Walau bagaimanapun oleh sebab mendengar rayuan-rayuan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang menyatakan bahawa Sabah dan Sarawak ini keadaan posnya tidak dapat dibandingkan daripada Negeri Sembilan, Melaka ke Kuala Lumpur hatta Perlis ke Kuala Lumpur, perkara ini perlu dikaji dan insya Allah akan dikaji oleh pihak LPN.

Seterusnya, beliau juga ada menyebut beras yang dihantar ke Sarawak adalah kurang baik. Sebenarnya mengikut apa saya dimaklumkan, beras yang dihantar ke Sarawak sekarang ini adalah beras yang baru diproses. Tetapi sekiranya masih lagi didapati keadaan yang semacam ini, saya mengesyorkan perkara ini hendaklah sentiasa dikesan dan kalau dapat tolonglah Ahli Yang Berhormat bisik-bisik kepada Yang Berhormat Menteri ataupun Kementerian Perusahaan Awam, insya Allah, dengan izin, we will tackle the problem at the base, at the source. Dan begitu juga tentang pemberian subsidi harga padi kepada petani-petani di Sarawak belum lagi menerima. Subsidi harga padi belum lagi dilaksanakan di Sarawak dan perkara ini sedang dalam proses dan peruntukan telahpun saya sebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada juga menyebut mengenai dasar LPPJ.

Sekali lagi, melalui Dewan yang mulia ini sebagaimana telah disebut dalam Dewan yang mulia ini kurang lebih seminggu lepas, kiranya Ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai sesuatu kes yang tertentu yang dirasakan perlu sangat oleh sebab seseorang itu telah memandu teksi sampai 20 tahun katanya, maka saya sekali lagi menegaskan di sini, saya mintalah kerjasama beliau itu cuba kemukakan perkara ini kepada pihak Yang Berhormat Menteri ataupun pihak-pihak lain yang lebih atas daripada pihak LPPJ.

Dan beliau menyatakan bahawa pada tahun 1979 sebanyak 5,815 orang telah memohon teksi dan pada tahun 1980 sebanyak 9,184 orang memohon teksi dan permit-permit telahpun dikeluarkan kepada angka-angka yang telah beliau sebutkan tadi dan cuma komen saya dalam masalah ini, Tuan Pengerusi, tidak semestinya

permohonan kepada sesuatu itu, termasuk permit teksi, membayangkan keperluan perkara itu on the ground, dengan izin. Dan keperluan on the ground, inilah yang diambil kira oleh pihak LPPJ khususnya dan Kementerian Perusahaan Awam amnya.

Tuan Pengerusi, beliau juga ada menyebut masalah notis temuduga. Temuduga terlalu singkat masanya.

Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat ataupun sebarang pihak yang menemui sebarang kesukaran dalam masalah ini, saya berpendapat perkara ini tidak dapat digeneralisekan kerana mungkin ada orang-orang yang tertentu mendapat notis temuduga terlewat, ialah kalau ada kes-kes yang seperti ini ataupun beberapa kes sekalipun, tolonglah sampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan insya Allah dapat kita atasi dengan cara yang sebaik-baiknya dan seadil-adilnya, setelah memandangkan bahawa benar-benar notis temuduga itu datang lewat.

Seterusnya beliau menyebut mengenai FIMA. Beliau meminta supaya kajian dan ujian untuk mengetin buah-buahan tempatan dijalankan oleh FIMA.

Sebenarnya ini adalah menjadi tugas dan amalan FIMA, walau bagaimanapun perkara ini akan kita panjangkan seterusnya kepada pihak FIMA.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang telah menunjukkan simpatinya terhadap LPN, perlulah saya mengutarakan ucapan ataupun merakamkan ucapan penghargaan bagi pihak LPN dan pegawai-pegawainya kepada beliau. Beliau ada menyebut mengenai potongan timbang padi. Katanya pada zaman dahulu, sekian peratus, sekarang sekian peratus seperti mana yang telah disebutkan tadi.

Dalam hal ini, syarat penentuan harga padi sekarang dan dahulu ialah sama sahaja. Padi yang baik, bersih, masak dan kering—wap basah tidak melebihi 14%. Saya selalu sangat membaca perkara ini dan saya agak tiap-tiap syarat di atas ditentukan potongan-potongan,

oleh itu potongan adalah tertakluk kepada keadaan padi semasa dijual. Itulah sifir-sifirnya.

Walau bagaimanapun sekiranya ada perkara-perkara ini berlaku lagi yang dirasakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan ataupun sebarang Ahli Yang Berhormat, cubalah bisik-bisik dan insya Allah kita akan tengok on the ground, yang mana dipotong 35% dan kiranya yang rosak itu bukan padi yakni penimbang, kita tukar penimbang dan kalau tukang timbang, kita perbaiki tukang timbang dengan keadaan yang sewajarnya.

Akhirnya, kepada rungutan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Beliau merungut masalah "akan, akan, akan!" Jadi perkara yang "akan" ini, insya Allah apa yang dapat saya sebutkan di sini, Tuan Pengerusi, saya berharap dan bercita-cita begitu juga Kementerian Perusahaan Awam berazam segala yang "akan" ini, akan di "akan"kan, insya Allah. (Ketawa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa wang sejumlah \$296,322,900 untuk Maksud Bekalan B. 37 menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$296,322,900 untuk Maksud B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Maksud Pembangunan P. 37 di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1982 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$707,651,000 untuk Maksud P. 37 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1982.

Maksud B. 38 (Jadual)—

Maksud P. 38 (Anggaran Pembangunan, 1982)—

Tuan Pengerusi: Sekarang ini Maksud Bekalan B. 38 berjumlah \$1,050,676,700 dan Maksud Pembangunan P. 38 berjumlah \$133,495,430 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.58 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian atas perbincangan B. 38, muka surat 377, Butiran 1100, Program (2) Perkhidmatan Kesihatan Awam dan juga (1) Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian atas kedua-dua program ini ialah cuba menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya satu perhatian yang sewajarnya bolehlah diberikan kepada amaran dan perkhidmatan perubatan tradisi yang ada di negara kita.

Memandangkan Malaysia adalah sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa, yang berbilang kebudayaan dan adat istiadat dan cara kehidupan yang berlainan tentu kita akan dapati bahawa amaran perubatan tradisi yang berlainan corak dan caranya.

Tuan Pengerusi, saya fikir bahawa perkhidmatan perubatan tradisi adalah merupakan satu perkhidmatan perubatan yang sangat mustahak baik dari segi kepentingan perubatan negara atau dari segi perubatan masyarakat masing-masing. Jika sekiranya Kementerian Kesihatan boleh memberikan satu perhatian yang sewajarnya dengan menubuhkan satu Jawatankuasa atau Lembaga untuk mengadakan beberapa pengkajian yang lebih menyeluruh dan mendalam melalui bantuan daripada universiti-universiti tempatan atau pusat-pusat perubatan yang ada di negara kita, saya yakin perkhidmatan perubatan tradisi ini bolehlah disaintifikasikan dan juga bolehlah diterapkan masuk dalam perkhidmatan perubatan negara kita khasnya dalam general hospitals yang ada di Malaysia kita.

Saya merasa sedih dan berdukacita untuk membaca dan melihat bahawa sebahagian

pegawai-pegawai perubatan dan pakar perubatan yang selalu berperasangka dan prejudiced terhadap perkhidmatan perubatan tradisi yang boleh menyambung dan bersejarah beribu-ribu tahun baik dari masyarakat Melayu, India, Tionghua dan lain-lain bangsa.

Umpamanya, baru-baru ini di negara jiran kita adanya satu laporan dan komen dari seorang pakar perubatan yang bergelar professor, dan oleh sebab laporan ini merupakan satu penghinaan terhadap cara perubatan tradisi maka menimbulkan berbagai masalah. Saya harap pentadbiran Kementerian Kesihatan bolehlah cuba berusaha untuk mempermodenkan perkhidmatan perubatan tradisi yang ada di Malaysia ini. Jika sekiranya perubatan perkhidmatan ini tidak boleh diterima sebagai pelajaran kesihatan seperti dalam program (2) (e) bagaimana satu perubatan tradisi ini boleh berlanjutan sehingga beribu-ribu tahun tentu ada nilai dan ertinya ianya boleh dilanjutkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain.

Tuan Pengerusi, saya harap bahawa Kementerian Kesihatan boleh memberikan segala priority untuk memper maju dan memperbangunkan perubatan tradisi yang ada di negara kita khasnya kalau boleh satu Lembaga Perubatan Tradisi bolehlah diwujudkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan supaya pakar-pakar perubatan tradisi bolehlah menyumbangkan dan merumuskan satu peraturan atau satu cara untuk mengawal dan melindungi perkhidmatan yang bermakna dan bersejarah ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya perlu menarik perhatian Kementerian Kesihatan iaitu bila satu pemeriksaan mengejut diadakan di kedai-kedai ubat atau di klinik-klinik terdiri daripada tradisi perubatannya, kadang-kadang mereka dijadikan mangsa atau sasaran untuk ditegur kerana ubat-ubat yang dijual itu beracun. Apakah maknanya ubat beracun? Umpamanya, bahan-bahan ubat itu yang dijadikan daripada bahan-bahan pokok atau herbs ini tentu ianya adalah dikaji beribu-ribu tahun tetapi dari kacamata perubatan moden

dikatakan ini adalah satu bahan yang beracun. Di sini saya harap satu definasi beracun boleh diadakan supaya jangan hanya menggunakan kacamata perubatan keberatan untuk memutuskan nilai perbuatan tradisi yang berketimuran. Saya harap perkara ini perlulah dielakkan supaya jangan selalu bertindak untuk menghina atau menyinggong perasaan masyarakat perubatan tradisi.

Saya tidak mengatakan pihak Kementerian Kesihatan jangan bertindak untuk menghapuskan atau melarang ubat yang beracun dijual tetapi dari segi perubatan tradisi ini tentu setiap ubatnya adalah racun. Kalau ubat ini tidak beracun bagaimana ia boleh mematkan kumannya atau mengubati sesuatu penyakit. Dari pengertian atau definasi Tionghua, apa ertinya beracun? Saya harap perkara ini boleh dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi, saya juga perlu mendesak supaya satu Akta Perubatan Tradisi ini boleh diterapkan. Jika sekiranya satu Akta Perubatan 1971 telah diadakan untuk melindungi dan mengawal segala pentadbiran perubatan moden tentulah adil bagi satu Akta yang setaraf dengan Akta yang ada sekarang ini diwujudkan untuk memupuk dan memajukan perubatan-perubatan tradisi yang ada di negara kita, jangan kata inilah tradisi, bomohkah atau sinsekhah tidak boleh diterima, ini tidak akan menguntungkan mana-mana pihak pun, kerana ia sangat luasnya diamalkan di semua lapisan masyarakat ini.

Satu perkara lagi ialah mengenai rawatan acupuncture. Saya tidak tahu apakah kemajuan sudah dicapai di General Hospital Johor Bahru. Tuan Pengerusi, selepas tahun 1978 saya telah membangkitkan perkara ini, saya mengucapkan syabas bahawa Kementerian Kesihatan sudah mengambil berat menghantar beberapa orang pakar perubatan ke negeri China dan kemudian satu experiment telah diadakan di General Hospital Johor Bahru. Saya harap acupuncture ini bolehlah ditimbang dan dimasukkan dalam semua General Hospital sebagai satu cara rawatan dan perubatan untuk menolong perubatan psychiatry yang moden ini. Tuan Pengerusi, kerana

acupuncture adalah merupakan rawatan perubatan yang bersejarah yang melebihi 5,000 tahun, umpamanya di Jepun, Korea, Taiwan, Amerika Syarikat dan Germany kebanyakan Kerajaanya sudah mengambil berat dan menggalakkan rakyat mereka mempelajari acupuncture. Sebenarnya di Malaysia sendiri ada kursus-kursus sehingga acupuncture ini boleh dimasukkan dalam program untuk disaintifikasikan. Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian Kesihatan bolehlah memberikan segala galakan untuk memajukan dan memperkembangkan acupuncture ini.

Satu perkara lagi yang saya sentuh ialah mengenai perkhidmatan kesihatan awam, juga yang ada berkait dengan masalah yang dihadapi oleh Pegawai-pegawai Perubatan di General Hospital kita dalam perkhidmatan awam negara.

Umpamanya, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dua hari yang lepas ada katanya dalam tempoh 21 bulan ini seramai 347 orang doktor telah meletakkan jawatan termasuk 34 orang pakar perubatan. Tentu ada sebab musababnya. Memang dari segi gaji, promotion dan prospects perkhidmatan adalah menjadi unsur-unsur yang mustahak yang perlu dikaji, jika tidak, mereka tidak akan meletakkan jawatan kerana dalam menjalankan praktis sendiri tidak ada jaminan bahawa mereka akan mendapat keuntungan. Saya harap suasana yang mereka katakan adalah berlaku sedikit diskriminasi dari segi kaum ini saya harap bolehlah disiasat adakah benar atau tidak benar supaya janganlah Malaysia dicemarkan imejnya. Kerana Malaysia adalah sebagai negara yang moden membangun dan tidak haruslah pakar-pakar atau doktor-doktor yang sangat-sangat diperlukan oleh Malaysia ini dibiarkan mengalir ke Australia, United Kingdom dan lain-lain negara kerana ini adalah tanggungan kewangan rakyat melahirkan doktor-doktor ini.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh satu perkara walaupun tidak begitu mustahak tetapi perlu diperhatikan sebagai sebahagian perkhidmatan perubatan negara kita ialah dalam Belanjawan pada 23hb Oktober yang lepas, saya merasa

sukacita bahawa bahan-bahan Chinese medicines kebanyakannya sudah dikecualikan dari membayar cukai import.

Saya harap satu jenis ubat juga iaitu arak, minuman keras yang berubat Cina ini bolehlah juga dikecualikan dari membayar cukai import kerana ini bukan satu minuman keras yang boleh dienyoy, ini sebenarnya adalah sejenis ubat dalam bentuk minuman keras yang boleh menghilangkan umpamanya angin atau beberapa penyakit yang sangat berkesan. Kalau boleh satu ujian boleh diadakan dan saya sendiri pun pernah mengalami perkara ini, saya bukan menggalakkan rakyat harus mahu minum minuman keras ini — tidak, kerana ini sangat special fungsinya, umpamanya dalam nama Cina kalau diizinkan "Ling Chee" dan lain-lainnya itu sangat berkesan untuk orang tua kalau kaki kena angin, mana bahagian yang tidak boleh diubati melalui modern medicine, inilah satu minuman keras boleh membantu penyakit-penyakit yang kita hadapi hari ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Julau.

6.12 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Pengerusi, saya bangun berucap serta memberi sokongan kepada peruntukan Kementerian Kesihatan.

Di sini saya merujuk P. 38, mukasurat 399, Butiran 31—Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar Sarawak.

Tuan Pengerusi, ada banyak perkara yang Kementerian ini patut diperbaiki perkhidmatannya, terutama sekali di dalam kawasan luar bandar di seluruh negara. Tugas Kementerian adalah untuk melihat bahawa Dispensari Kerajaan Luar Bandar hendaklah dilengkapi cukup dengan kakitangan, ubat-ubat dan lain-lain kemudahan.

Tuan Pengerusi, sehingga sekarang masih lagi berlaku beberapa masalah kekurangan ubat-ubat untuk kegunaan harian di kebanyakan dispensari luar bandar dan dalam negeri Sarawak. Ini adalah disebabkan masalah kenaikan dan perhubungan. Tetapi

masalah yang kecil ini boleh senang diatasi jika sekiranya Pejabat Perubatan membekalkan dengan secukup-cukupnya ubat yang mana dapat digunakan untuk satu atau dua bulan memandangkan masalah kenaikan tersebut tadi. Masalah ini berlaku jika Pembantu Rumah Sakit Dispensari Luar Bandar mengemukakan pesanan untuk mendapatkan ubat-ubat maka Pegawai Perubatan yang menjaga ubat pada lazimnya memotong pesanan pada setengah daripadanya. Jadi bekalan yang sepatutnya akan mencukupi selama satu atau dua bulan hanya sekarang dapat digunakan satu atau dua minggu sahaja dan klinik yang berkenaan sudah jelas mengalami kekurangan ubat sehingga beberapa hari sehingga bekalan baru tiba. Perkara ini berlaku amatlah mendukacitakan.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa Jabatan Perubatan hendaklah berhati-hati sebelum meminta pesanan dan hendaklah membekalkan ubat dengan secukup-cukupnya kepada dispensari luar bandar di seluruh negeri. Dengan demikian penduduk-penduduk di luar bandar akan bersama-sama menerima kemudahan perubatan sama seperti orang-orang di bandar.

Tuan Pengerusi, di kawasan pilihanraya saya di Julau ada didapati 4 buah klinik desa, satu daripadanya baru sahaja dibuka dengan secara rasminya oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kami mengucapkan berbilang-banyak terima kasih ke atas kesudian untuk merasmikan klinik tersebut. 3 lagi dispensari Kerajaan yang telah dilengkapi dengan Pembantu Rumah Sakit dan Bidan-bidan. Jabatan Perubatan Negeri Sarawak tidak membekalkan seorang doktor untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang terdiri kurang 30,000 orang penduduk-penduduk di dalam daerah tersebut. Buat masa sekarang peraturan yang dijalankan ialah pesakit-pesakit yang serius dihantar sama ada di Rumah Sakit Sibu atau Sarikei.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan mukasurat 400, Butiran 34, tajuk 10 berhubung dengan Pusat Kesihatan Daerah (Health District Centre) bagi Julau.

Suka saya menyatakan di sini iaitu penduduk-penduduk di dalam kawasan saya menyokong penuh atas cadangan tersebut dan berharap agar ianya akan dilaksanakan dengan secepat mungkin oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, juga mukasurat yang sama, Butiran 36—Quarters and Other Accommodation. Peruntukan sebanyak \$4,462,700 bagi quarters perubatan adalah difikirkan tidak mencukupi, sepatutnya Jabatan Perubatan lebih memahami tentang kakitangannya. Mereka ini tidak ada tempat tinggal dan juga adalah terlalu sukar untuk mendapatkan rumah-rumah bagi disewa, juga kalau adapun sewanya terlalu mahal, mereka juga terpaksa membayar bil api dan air sendiri. Jadi adalah diharapkan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Jabatan Kesihatan hendaklah membina lebih banyak lagi quarters untuk kakitangan-kakitangan perubatan di mana quarters kakitangan berkurangan.

Tuan Pengerusi, Butiran 37, mukasurat 400 juga didapati Kenderaan dan Bot-bot.

Di awal tadi ada saya menyatakan di mana tidak ada seorang pun doktor untuk memberi rawatan kepada seramai 30,000 orang penduduk-penduduk dalam kawasan pilihanraya saya. Di sini saya juga memperhatikan bahawa cuma ada satu sahaja Land Cruiser yang dipunyai oleh Julau Dispensary bagi membawa pesakit-pesakit yang ada serius ke Sarikei atau Sibu. Jauh kedua tempat ini ialah 42 batu dari Pekan Julau. Oleh kerana tempat ini jauh ada kala pesakit-pesakit meninggal dunia sebelum sampai di rumah sakit. Adalah dinyatakan di sini iaitu apabila pesakit itu mati di dalam rumah sakit ataupun dalam perjalanan ke rumah sakit, maka kenderaan yang membawanya tidak boleh membawa balik mayat tersebut ke rumahnya. Mayat tersebut masih lagi di bawah jagaan Jabatan Perubatan dan juga pesakit-pesakit ini datang dari jauh. Mereka ini juga terdiri daripada orang miskin yang tidak mempunyai wang untuk menyewa sebuah lori atau lain-lain kenderaan kerana perbelanjaan tambang yang akan dikenakan tidak kurang dari \$300.

Dengan demikian suka saya mencadangkan di sini bahawa Jabatan Kesihatan Sarawak hendaklah menyediakan sebuah lagi Land Cruiser untuk kegunaan Julau Dispensary. Apabila pesakit-pesakit mati di rumah sakit mayatnya hendaklah dihantarkan balik ke rumahnya atau sekurang-kurangnya sampai ke Bandar Julau atau pekan dengan menggunakan kenderaan Kerajaan.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan sekali lagi saya menyokong peruntukan Budget yang telah dibentangkan oleh Kementerian Kesihatan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

6.20 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud B. 38, Butiran 1100 Gaji dan Upahan, Program (1) Pentadbiran, muka surat 377, Program (6) Farmasi dan Bekalan, muka surat 378 dan P. 38, Butiran 10 Perkhidmatan Ubat-ubatan dan Stor Perubatan, muka surat 399.

Semenjak akhir-akhir ini selalu kita dengar tentang kekurangan bekalan ubat-ubat di Hospital Besar Kuala Lumpur. Kekurangan ini bukan sahaja berlaku di General Hospital tetapi juga di Hospital Tanglin, mungkin juga boleh berlaku di Klinik Perubatan Bangunan Parlimen ini sendiri. Kita merasa dukacita tentang bagaimana bekalan ubat-ubat ini boleh berlaku kekurangan. Adakah oleh kerana ada setengah-setengah bekalan ubat-ubat itu betul-betul tidak cukup atau oleh kerana ada satu kecauan disebabkan kekurangan bekalan ubat-ubat itu yang dibekalkan. Sepatutnya bekalan ubat-ubat ini tidak sepatutnya berlaku kerana bekalan ubat-ubat di gedung-gedung ubat Kerajaan di Petaling Jaya adalah mencukupi. Kita mempunyai gedung-gedung ubat yang mempunyai simpanan yang cukup dan begitu juga mempunyai pegawai-pegawai farmasi yang cekap dan terlatih dan saya tidak nampak mengapa ianya boleh berlaku kekurangan ubat-ubatan itu.

Saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Kesihatan supaya pembelian

dan bekalan jenis pil-pil diperiksa dan dikaji secara teliti agar bekalan ubat-ubatan ini ke hospital sentiasa cukup. Kita tidak mahū adanya berlaku kecauan di dalam pembekalan ubat-ubatan ini ke General Hospital baik di mana sekalipun. Ini saya rasa boleh menjatuhkan imej Kerajaan kita khususnya Kementerian Kesihatan sendiri.

Di samping ini juga, saya ingin menyentuh B. 38, Butiran 4 (i) Hospital Besar, Kuala Lumpur, muka surat 396.

Saya difahamkan bahawa alat-alat X-Ray moden 'Cat Scan' yang digunakan di General Hospital Kuala Lumpur untuk pesakit-pesakit tidak dapat digunakan sepenuhnya. Seseorang pesakit hendak menggunakan alat X-Ray moden ini kadang-kadang terpaksa menunggu sampai empat bulan. Itu pun setelah membuat appointment untuk menggunakan alat X-Ray itu. Alangkah sedihnya jika seseorang pesakit itu hendak menggunakan sampai empat bulan baru boleh digunakan. Jika sekiranya ini berlaku saya rasa pesakit itu mati dahulu sebelum dapat rawatan untuk menunggukan alat X-Ray moden tersebut.

Tuan Pengerusi, seseorang pesakit biasanya berkehendakan rawatan yang segera dan ianya perlu diberi perhatian yang serius tanpa menunggu masa yang begitu lama. Nyawa pesakit itu perlu diselamatkan walau dengan apa sekali pun. Saya percaya perkara ini akan dapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, begitu juga saya difahamkan dengan alat-alat intercom yang digunakan di General Hospital Kuala Lumpur telah dipasang setahun lebih kurang tetapi tidak boleh digunakan sepenuhnya. Sekiranya ini benar, saya rasa dukacita alat intercom ini saya rasa amatlah mustahaknya digunakan selain daripada menggunakan telefon kerana ia dapat dihubungkan dengan mudahnya. Alat-alat intercom yang digunakan di Bangunan Parlimen ini sendiri sentiasa berjalan dengan begitu baik dan memuaskan. Saya rasa di tempat-tempat lain juga boleh digunakan sepenuhnya sepertimana yang dipakai di Parlimen sekarang. Ini juga saya harap boleh dapat

perhatian dari pihak Kementerian agar wang yang dibelanjakan itu tidak menjadi membazir untuk menggunakan intercom ini supaya dapat memudahkan perhubungan di hospital itu sendiri.

Tuan Pengerusi, saya berharap pandangan dan teguran saya ini mendapat perhatian yang sewajarnya dan sekianlah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

6.25 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi, saya rasa muka surat 377, Butiran 1100, Program (3) Perkhidmatan Rawatan Perubatan (Medical Care Services Programme).

Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan satu perkara berkenaan dengan Hospital Umum di Seremban di mana sungguhpun ada sebuah hospital yang besar dan boleh dikatakan baru tetapi ini ialah untuk boleh nampak sangat baik tetapi perkhidmatannya sangat kurang. Sungguhpun besar dan mempunyai banyak bed tetapi sangat kurang doktor dan kakitangan. Oleh sebab itu, saya rasa satu kes, satu aduan daripada Encik Shamsuddin bin Talib, anaknya mendapat kemalangan pada 20hb Ogos tahun ini dan dia juga ada membuat aduan kepada Kementerian untuk menyalut mengapa anaknya mati selepas mendapat kemalangan jatuh daripada basikal.

Pada 20hb Ogos anaknya telah jatuh dari basikal sewaktu balik dari sekolah kira-kira pukul 6.00 petang. Ada seorang yang baik hati menghantar budak itu terus ke hospital dan mendapat rawatan doktor di Outpatient, diberi ubat dan disuruh balik ke rumah. Tetapi selepas satu jam iaitu kira-kira pukul 7.00 malam anak itu mengatakan kepalanya pening dan hendak muntah. Ada seorang

saudaranya yang bekerja di hospital sebagai Sister, dia tengok dan didapati di sebelah mata kanannya, mata hitam (pupil) itu tidak begitu memuaskan, tidak terbuka apabila disuluh dengan lampu (touch light); seterusnya budak itu dihantar ke hospital semula, mendapat rawatan doktor, doktor menyuruh tunggu dalam satu side room untuk perhatian (observation) hingga pukul 7.00 pagi 21hb Ogos.

Pagi itu anak itu di X-Ray tidak menunjukkan apa-apa fracture ataupun injury dan doktor mengatakan dia boleh balik ke rumah. Sebelum berlepas dari hospital anak itu pening kepala dan muntah. Doktor menyuruhnya masuk wad. Kira-kira pukul 11.00 pagi dimasukkan ke Wad 3B, selepas diperiksa oleh doktor Bahagian Wad 3, anak itu didapati bertambah teruk sakitnya hingga dia tidak sedarkan diri. Pada waktu itu doktor memberi rawatan kecemasan. Pukul 11.00 pagi X-Ray, masuk Wad, pukul 9.25 malam dibedah, tetapi selepas dibedah dalam Operation Theatre dua jam anak itu tidak sedar hingga dia meninggal dunia pada 7hb September. Dan mengikut surat kematian, sebab-sebab kematian ialah massive extradural haemorrhage.

Tuan Pengerusi, saya rasa kes ini kalau dapat rawatan yang cekap dan dengan masa yang tepat tidak boleh mati, kalau hospital itu ada cukup doktor, doktor pakar dan kemudahan. Saya fikir apabila kanak-kanak itu masuk hospital barangkali doktor di sana tidak ada cukup masa dan cuai periksa dan menunggu sampai pagi baru X-Ray dan suruh balik rumah tetapi apabila muntah baru masuk wad, sudah masuk wad dia tunggu sampai budak itu pengsan dan tidak sedar barulah doktor memberi rawatan kecemasan. Kejadian ini boleh berlaku beberapa dekad dahulu, barangkali 20 — 30 tahun dahulu, tetapi pada masa sekarang apabila terdapat medicine jenis-jenis baru dan medical progress, kes ini tidak patut berlaku, barangkali saya ingat tidak ada doktor pakar, neuro-surgeon, pakar (specialist) yang boleh membedah.

Kalau ada doktor (neuro-surgeon) membelah cepat sedikit budak itu boleh diselamatkan. Oleh sebab kematian massive

extra-dural haemorrhage bukan satu kejadian punca kematian pada masa sekarang, barangkali 20-30 tahun dahulu boleh berlaku, tetapi sekarang tidak boleh.

Kalau massive extra-dural haemorrhage, haematoma atau darah boleh dikeluarkan dengan secepat mungkin budak itu boleh diselamatkan. Ini menunjukkan ada satu kes timbul dan bapa dia menyuruh Kementerian siasat, tetapi Kementerian kata tidak ada apa-apa kelalaian, neglect daripada doktor, daripada pihak Kementerian atau hospital itu.

Saya rasa kes ini adalah menunjukkan kelalaian, ada medical neglect saya sudah cakap tadi extra-dural haemorrhage tidak boleh menjadi sebab kematian seseorang kalau 20 - 30 tahun barangkali boleh, tetapi sekarang doktor-doktor pakar kalau dengan cepat bedah, ambil darah itu keluar, budak itu boleh selamat. Ini menunjukkan, Tuan Pengerusi, keadaan perkhidmatan perubatan negara kita adalah sangat kurang baik dan tidak mencukupi doktor dan lain-lain. Bukan kes ini sahaja tetapi ada banyak kes menunjukkan bukti ada medical neglect atau tidak cukup doktor dan tidak baik medical service diberi kepada rakyat kita.

Saya tidak mahu sentuh banyak lagi tetapi saya harap Kerajaan ambil perhatian perkara ini dan siasat kes ini lagi, kalau siasat dengan bebas dan dengan open-mind, jangan lagi protest atau cover orang yang bersalah, sungguhpun doktor-doktor itu mungkin macam siapa atau colleague, saya tidak mahu kecam siapa doktor yang berkenaan, sebab itu saya tidak sebut namanya, tetapi ini kes menunjukkan keadaan di hospital tidak baik, tak cukup doktor pakar, services tak baik. Kalau seseorang itu mendapat kemalangan dan menyebabkan kematian oleh sebab tidak cukup rawatan yang baik dalam dekad ini, saya rasa ini mestilah disiasat. Terima Kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.35 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk

menyokong peruntukan Kementerian Kesihatan dan menyentuh dua tiga perkara. Pertama, B. 38 mukasurat 77, Butiran 1100, Program (1)—Pentadbiran.

Pada masa sekarang kerap kali kita dengar ada orang yang kurang bernasib baik disebabkan oleh penyakit jantung berlubang. Apabila penyakit ini berlaku seseorang itu menghadapi berbagai kesulitan di dalam kehidupannya. Penyakit seperti ini susah hendak dielakkan kerana manusia biasa kurang tahu dan tidak memahami apa yang sedang berlaku di dalam tubuhnya.

Tuan Pengerusi, oleh kerana di Malaysia ini belum ada unit pembedahan ini pesakit jantung berlubang terpaksa diterbangkan keluar negeri untuk dibedah dan dirawat. Saya dapati bahawa jumlah wang yang diperlukan untuk maksud ini adalah begitu banyak sekali dan saya rasa hanya orang-orang yang berada sahaja yang mampu menerima rawatan tersebut. Soalnya timbul bagaimanakah kedudukan orang-orang yang kurang berada? Nampaknya mereka terpaksa berharap kepada belas kasihan orang ramai untuk menyumbang derma sekadar yang boleh. Kadangkala ada pesakit yang meninggal semasa kempen mengutip derma itu dijalankan. Kaedah ini sangat mengharukan.

Tuan Pengerusi, saya rasa pihak Kementerian sedang berusaha untuk menubuh satu unit pembedahan penyakit jantung berlubang dan saya sangat berharap agar pihak Kementerian akan mempercepatkan usaha ini supaya banyak lagi nyawa dapat diselamatkan. Saya ingin mencadangkan di sini bahawa pertamanya pihak Kementerian memberikan ganjaran yang lebih lumayan kepada pakar-pakar yang terlibat di dalam pembedahan penyakit jantung berlubang.

Yang kedua, pihak Kementerian cuba mendapatkan pakar-pakar dari luar negeri berkhidmat untuk Malaysia untuk maksud ini. Akhir kata, saya berharap unit pembedahan penyakit jantung berlubang disiapkan secepat mungkin.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, masalah Pentadbiran ialah mengenai layanan jururawat.

Pada masa sekarang ini saya masih kedengaran lagi sungutan dari orang ramai bahawa layanan-layanan yang diberikan oleh jururawat kurang memuaskan. Saya dapati bahawa sekiranya seseorang pesakit itu berpangkat atau ternama layanan yang diberikan kepadanya Kelas I, manakala seseorang pesakit biasa ditolak ke tengah dan ke tepi. Perkara seperti ini sungguh dikesalkan dan saya berharap pihak Kementerian akan membetulkan keadaan ini. Saya percaya tentang konsep sama rata. Jadi tidak kira sama ada orang itu berkulit hitam manis, kuning langsung ataupun hitam sekali selagi ia sakit dan memerlukan rawatan dia harus menerima perhatian.

Satu lagi perkara adalah dakwaan tentang bayi-bayi yang telah diberikan pada ibubapa yang salah.

Saya ingin tahu sama ada perkara ini benar, sekiranya benar, adakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bak kata pepatah Melayu: Kalau tidak ada angin takkan pohon bergoyang. Saya juga berharap agar pihak Kementerian akan menyiasat perkara ini sebelum sesuatu disiarkan di dalam suratkhbar. Jadi saya rasa perkhidmatan kepada orang ramai sangat-sangatlah mustahak dan saya bersetuju supaya Kementerian ini menyiasat perkara ini.

Saya ingin menyentuh B. 38, mukasurat 379, Butiran 1100 Program (7) (b) Penyelidikan Kesihatan.

Tuan Pengerusi, berkenaan perkara ini saya ingin tahu sejauh manakah pihak Kementerian menjalankan penyelidikan tentang bahan-bahan yang dikatakan merbahaya pada tubuh manusia. Di antara bahan-bahan tersebut adalah Mee Segera. Dahulu ada dakwaan bahawa perencah Mee Segera adalah merbahaya kepada manusia. Adakah ini benar? Saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian mengenai perkara ini memandangkan mee seperti ini masih dijual di kedai-kedai di seluruh Malaysia. Dan saya dapati ramai penuntut-penuntut universiti memakan mee ini kerana mee ini cepat dimasak, sedap dimakan. Jadi sekiranya mee ini merbahaya ataupun

mempunyai kemudahan, saya berharap pihak Kementerian akan menghantarkan satu kenyataan atau mengeluarkan satu kenyataan mengenai hal ini.

Yang kedua belacan. Saya rasa pada satu ketika ada laporan yang mengatakan bahawa pewarna-pewarna yang digunakan untuk membuat belacan adalah melebihi sukatan yang dibenarkan, keadaan ini akan membahayakan manusia. Adakah ini benar? Sekiranya benar, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian mengenai hal ini.

Yang ketiga, mengenai satu laporan dalam *Malay Mail* bertarikh 9hb. November, 1981, mukasurat 27.

Saya ingin tahu adakah X-ray itu pembunuh? Seorang pakar mengenai hal ini telah mendakwa bahawa X-ray adalah merbahaya, tetapi Kerajaan Amerika Syarikat enggan menerima kebenarannya. Jadi saya rasa adalah wajar sekiranya pihak Kementerian mengeluarkan satu kenyataan mengenai hal ini juga. Adakah benar Leo Quinol sejenis dadah sangat merbahaya kepada manusia? Menurut satu laporan dalam akhbar *New Sunday Times* bertarikh 4-10-1981, pakar perubatan dari Sweden Dr Olay Hansen dalam lawatannya ke Malaysia mendakwa bahawa dadah ini boleh menjadikan seorang itu buta atau kaki akan hilang. Saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian telah menyiasat tentang perkara ini dan apakah tindakan-tindakan lanjut yang telah diambil mengenai perkara ini. Saya juga ingin tahu sama ada daging lembu yang diimport dari Australia dicampuradukkan dengan daging kuda, daging keldai dan daging kangaroo, adakah perkara ini benar? Selain daripada itu ada pihak yang mendakwa bahawa daging yang diimport dari Australia itu mengandungi kuman-kuman yang terlalu banyak, adakah benar?

Tuan Pengerusi, memandangkan perkara-perkara yang tersebut di atas adalah perkara-perkara yang kita ataupun orang ramai menempuh dalam hidup hari-harian. Saya berharap pihak Kementerian dapat memberi satu penjelasan mengenai hal ini, di antara

bahan-bahan itu saya mengulang sekali lagi adalah Mee Segera, belacan, X-ray dadah dan daging lembu yang diimport dan saya rasa selain dari ini ada juga lain-lain bahan yang merbahaya pada manusia dan lain-lain lagi. Jadi saya rasa perkara ini patut disiasat seperti sos cili, ajinomoto, kicap, memandangkan banyak perkara-perkara yang harus disiasat saya rasa peruntukan untuk tahun 1982 perlu ditambah.

Di sini saya juga ingin mencadangkan beberapa perkara. Satu, pihak Kementerian hendaklah menyiasat dengan secepat mungkin apa-apa dakwaan yang menyatakan sesuatu bahan itu merbahaya pada manusia dan selepas siasatan dibuat laporlah perkara ini dalam akhbar-akhbar tempatan di mukasurat pertama dan juga penerangan atau kenyataan yang diberi haruslah difahami oleh orang ramai dan lagi mengeluarkan satu arahan kepada penjual-penjual supaya dadah yang dijual itu diterangkan dengan jelas sekali dan bukanlah penerangan-penerangan yang berbentuk saintifik.

Tuan Pengerusi, setakat inilah sahaja saya menyokong kepada Kementerian ini dan tambahan perlu dibuat untuk menjalankan tugas-tugas yang lebih penting. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Sarikei.

6.47 ptg.

Tuan Chieng Tiong Kai (Sarikei): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan masalah kesihatan.

Yang pertama sekali saya hendak menyentuh sedikit tentang Maksud P. 38, Butiran 31 atas tajuk Perkhidmatan Kesihatan, Luar Bandar Sarawak, mukasurat 399.

Tuan Pengerusi, Sarawak adalah satu negeri kawasannya yang luas, tetapi distribusi penduduknya adalah kurang padat, banyak penduduk adalah tinggal di tempat-tempat terpencil oleh kerana di negeri itu lalu-lintasnya masih kurang lengkap. Walaupun Kerajaan telah mengadakan doktor-doktor

terbang untuk perkhidmatan perubatan di beberapa tempat terpencil, tetapi perkhidmatan itu masih kurang berkesan. Pesakit-pesakit masih perlu dihantar ke hospital-hospital bandar, maka mereka terpaksa menaiki bot atau berjalan jauh dan memakan masa yang lama untuk perjalanan mereka. Keadaan ini selalu menjadikan satu hal kesusahan yang besar kepada mereka. Oleh hal yang demikian saya berseru kepada Kementerian Kesihatan supaya membangunkan lebih banyak lagi klinik-klinik Desa di negeri Sarawak seperti di kawasan Sarikei, misalnya di Ulu Sarikei dan di Sungai Mupong haruslah dibina Klinik-klinik Desa itu secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, di samping itu saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan tajuk Perkhidmatan Pergigian Sarawak, atas P. 38, Butiran 32, muka surat 399.

Tuan Pengerusi, memandangkan kebanyakan sekolah-sekolah rendah di negeri Sarawak, murid-muridnya masih belum dapat perkhidmatan pergigian, walaupun di beberapa tempat telah mengadakan kenderaan perkhidmatan pergigian untuk berkhidmat bagi sekolah-sekolah rendah di luar bandar. Tetapi oleh sebab masih banyak tempat belum ada kelengkapan-kelengkapan itu maka murid-murid masih perlu menghantar ke hospital-hospital bandar untuk rawatan gigi mereka pada masa persekolahan.

Masalah ini telah mempengaruhi pelajaran murid-murid mereka. Misalnya di kawasan saya, Sarikei, tempat-tempat seperti Sungai Nyalong, Sungai Bakong, Sungai Mador, Sungai Tulai dan Sungai Narrasit Walaupun jalan raya di tempat-tempat itu telah dibina tetapi sekolah-sekolah rendah di kawasan tersebut masih belum dapat perkhidmatan pergigian itu. Saya berharap Kementerian Kesihatan harus menambah kenderaan perkhidmatan pergigian dan jururawat-jururawat pergigian untuk berkhidmat di sekolah-sekolah rendah luar bandar Sarawak yang mana jalan rayanya telah dibina.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan tajuk Memperbaiki Hospital, Sarawak di bawah P. 38, Butiran 33, mukasurat 399.

Tuan Pengerusi, di Negeri Sarawak masih ada banyak daerah belum ada hospital atau kelengkapan yang sempurna. Misalnya, di kawasan saya seperti daerah Binatang masih hanya ada satu Pusat Kesihatan. Pusat Kesihatan itu hanya mempunyai satu doktor dan 4 katil sahaja. Oleh sebab kekurangan kelengkapan di Pusat Kesihatan itu, pesakit-pesakit khususnya kes-kes yang lebih serius masih terpaksa dihantar ke Hospital Sibu sejauh 50 batu. Masalah ini telah menjadikan satu hal kesusahan khususnya kes-kes yang darurat.

Saya berharap Pusat Kesihatan itu dapat diperbesarkan dan menambahkan doktor-doktor untuk menjadi satu Hospital Daerah yang lengkap untuk berkhidmat di kawasan itu. Saya bercadang di negeri Sarawak, Kerajaan harus membina 7 buah Hospital Besar untuk 7 Bahagian dan tiap-tiap daerah harus mempunyai satu Hospital Daerah yang lengkap. Jadi saya berseru kepada Kerajaan kita harus beri banyak lagi peruntukan untuk Negeri sarawak supaya hospital-hospital atau Pusat-pusat Kesihatan dapat diperbaiki secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya berharap cadangan-cadangan tersebut dapat ditimbang dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak tahu sama ada hendak menyambung pada hari Isnin atau hendak ambil bahagian hari ini sahaja? Semuanya hendak menyambung. Kalau begitu, saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.54 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang) Tuan Pengerusi, saya menyokong dengan sepenuhnya peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan ini untuk tahun 1982.

Di samping itu saya sukacita bercakap sedikit dalam satu dua perkara berkenaan dengan masalah-masalah di bawah Kementerian Kesihatan ini. Yang pertama

ialah pada mukasurat 377, Maksud Bekalan B. 38, Butiran 1100 yang bertajukkan Gaji dan Upahan, Program (1) Pentadbiran bagi pecahan (b) Pentadbiran Negeri.

Dalam masalah ini, saya suka menyentuh masalah pentadbiran hospital-hospital di peringkat daerah-daerah. Pada masa ini apa yang saya maklum, hospital-hospital di peringkat-peringkat daerah ini ada satu yang dinamakan Lembaga Pelawat. Lembaga Pelawat ini setakat ini apa yang saya alami belum lagi dapat menyumbangkan tenaga dengan teratur bagi membantu perkara-perkara yang perlu kepada hospital dalam masalah pentadbiran dan lain-lain.

Oleh sebab itu sekiranya peraturan yang sedia ada di Kementerian Kesihatan berhubung dengan Lembaga Pelawat Hospital-hospital ini kurang kemas ataupun belum teratur, maka elok benarlah dan sudah sampailah masanya peraturan itu disemak kembali dan diteliti supaya dapat kita gunakannya dan Lembaga Pelawat ini dapat menyumbangkan tenaganya dalam memberikan pertolongan dan bantuan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh hospital sekiranya diperlukan.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, maafkan saya iaitu di Kementerian Pelajaran ada satu yang dinamakan Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG). Jadi di situ ada satu peraturan yang kemas, teratur, tersusun, bagaimana pentadbirannya, apa sumbangan-sumbangan yang perlu dibuat oleh PIBG dan betul-betul tenaganya berkesan untuk membantu sekolah. Oleh itu Kementerian Kesihatan juga patut menggunakan Lembaga Pelawat ini bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berkenaan dengan kemasyarakatan dan lain-lain di kawasan-kawasan hospital yang berkenaan yang kadangkala pernah berlaku perselisihan faham di antara pihak pentadbiran hospital di peringkat daerah-daerah dengan rakyat kawasan setempat.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, urusan bagi melepaskan jenazah di hospital-hospital. Selalunya masalah ini ialah masalah kemalangan atau masalah kecemasan yang menyebabkan seseorang itu meninggal dunia. Manakala dibawa ke hospital pada waktu

petang atau pada waktu malam terpaksa jenazah ini disimpan sehingga hari besok dan kadangkala lepas pukul 10.00 hari besok, baru pihak pentadbiran hospital dapat memeriksa jenazah ini dan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berhubung dengan jenazah ini dan pada waktu petang pula baru dapat dilepaskan oleh pihak hospital kepada waris yang hendak mengambil jenazah ini untuk dibawa balik.

Di sini saya tidak arif, adakah satu undang-undang yang telah ditetapkan bahawa jenazah ini tidak boleh diperiksa pada waktu malam oleh pihak hospital. Kalau tidak ada undang-undang, patutlah satu perkara yang diberikan perhatian berat oleh Kementerian Kesihatan supaya dapat pihak hospital menyelesaikan masalah pemeriksaan jenazah ini terutama umat Islam dalam negara ini yang menunggu jenazah warisnya yang meninggal ini untuk dibawa balik ke rumah masing-masing bagi diselesaikan urusan pengkebumiannya. Apa yang kita ketahui apabila jenazah ini sampai ke hospital, sudah tentu masalah-masalah yang berhubung dengan pihak polis telah diselesaikan lebih dahulu. Maknanya pihak polis telah memberikan satu keterangan yang mengatakan polis dalam masalah ini telah selesai dan diserahkan kepada hospital untuk membuat pemeriksaan kepada jenazah ini dan setelah hospital membuat penyelesaian, barulah diserahkan kepada warisnya. Jadi ini satu masalah.

Tuan Pengerusi, kalau jenazah ini tidak dapat dilepaskan dengan segera maka bagi

membawa jenazah ini balik ke rumah warisnya adalah satu perkara lagi iaitu terpaksa mencari kenderaan sendiri dan berbagai-bagai urusan lagi yang sulit tetapi sekiranya jenazah ini dapat diselesaikan dengan cepat maka pertolongan dari pihak polis iaitu kenderaan polis yang membawa jenazah itu ke hospital boleh digunakan untuk membawa jenazah itu balik ke rumah warisnya. Ini satu pertolongan kepada rakyat yang sangat dihargai oleh rakyat dan diperlukan. Jadi bagaimana supaya perkara ini dapat diselesaikan.

Apa yang kita tahu sudah banyak hospital-hospital di peringkat daerah kita telah mempunyai sambungan api elektrik, walaupun yang tidak ada elektrik telah dibekalkan pula dengan generator yang memuaskan bagi bekalan api. Jadi maknanya kalau malam itu gelap, boleh diperiksa, tetapi sekarang ini sudah ada api, sudah terang dan sudah boleh periksa jadi sepatutnya tidak lagi perkara ini menjadi masalah bagi pemeriksaan jenazah untuk dilepaskan dengan segera kepada warisnya.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 30hb November, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.